

KES MAHKAMAH TRIBUNAL NO: T. 685 - 2011

DI ANTARA

DATO' SERI HAJI MUSTAPA KAMAL BIN MAULUT ...PEMOHON

DENGAN

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN
MALAYSIA BERHAD (ANGKASA) ...RESPONDEN**

Di Hadapan:

Pengerusi Tribunal : Tuan Hamidun Bin Datuk Hj. Abd. Fatah

Anggota Panel SKM : Puan Fatimah Binti Ani

Anggota Panel Koperasi : Tuan Hj.Yusof Bin Othman

ALASAN AWARD

1. LATAR BELAKANG

Pemohon ialah Naib Yang Dipertua ANGKASA sebelum Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) ke 26 pada 19.12.2009. Pada PKTA ke 26 Pemohon telah bertanding untuk jawatan Yang Dipertua (YDP) ANGKASA dan menjadi perwakilan bagi Koperasi Pendidikan Islam Malaysia Berhad. Pemohon telah tewas dalam pertandingan merebut jawatan YDP pada tahun tersebut.

Pertikaian ini adalah merupakan tuntutan Pemohon terhadap tindakan Responden yang telah melucutkan hak untuk beliau menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA

selama tempoh lima tahun berkuatkuasa pada 25 Ogos 2010 dan beberapa tuntutan lain yang berkaitan dengan hal ehwal ANGKASA.

Pemohon tidak diwakili peguam dan telah memanggil lapan orang saksi semasa kes ini dibicarakan. Responden telah diwakili oleh peguam iaitu Dato' Abd Shukor Bin Ahmad dari Tetuan Shukor Baljit & Partners. Saksi Responden yang telah dipanggil dalam perbicaraan ini adalah seramai enam orang .

2. FAKTA KES

2.1 Pada 19 Disember 2009 telah berlangsung Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) ke 26 dan salah satu agendanya ialah Memilih Seorang Yang Dipertua, Seorang Naib Yang Dipertua Dan Pengerusi Persidangan. Dalam perkara ini Pemohon telah turut bertanding untuk jawatan YDP dan telah tewas. Pemohon telah mendapat 1,169 undi manakala pemenang pertandingan jawatan tersebut ialah Prof. Dato' Dr. Mohd. Ali Hj. Baharum yang mendapat 1,216 undi. Perbezaan undi adalah sebanyak 47 sahaja.

2.2 Selepas PKTA tersebut, JKT telah menerima aduan bahawa kemungkinan berlaku penyalahgunaan kuasa dan salah laku dalam Persidangan Negeri (PN) dan PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009 yang melibatkan anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPN) serta anggota Koperasi-koperasi ahli ANGKASA. Jawatan Kuasa Kerja Kebangsaan (JKK) telah meneliti laporan daripada Peyakin Keselamatan ANGKASA iaitu Bahagian yang telah dipertanggungjawabkan berkaitan keselamatan disepanjang Persidangan PKTA itu berlangsung disamping urusan pengagihan wang saku kepada perwakilan yang hadir berkaitan aduan di atas dan membuat keputusan supaya satu siasatan dalaman dilakukan oleh Jawatankuasa Penyiasatan. JKT pada mesyuarat 2/2010

mengesahkan pelantikan Jawatankuasa Penyiasatan yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Mutadho Bahri.

Tindakan seterusnya oleh pihak Responden adalah sebagaimana dalam exhibit R3, Lampiran 1 hingga Lampiran 6.

2.3 Pertuduhan yang dikenakan atas Pemohon sehingga keputusan melucutkan hak Pemohon oleh JKT ialah:

- i) Menyogok Ahli jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri tertentu dengan membawa dan membiayai lawatan mereka ke Aceh, Indonesia pada 13 Mac 2009 hingga 16 Mac 2009 dan 25 September 2009 hingga 27 September 2009 dengan niat mempengaruhi mereka supaya mengundi Pemohon sebagai YDP pada PKTA ke 26.
- ii) Mengarahkan ejen-ejen atau wakil-wakil Pemohon mengumpulkan kad undi dari perwakilan pada PKTA ke 26, 19 Disember 2009, dengan tujuan untuk memastikan undi PKTA memihak kepada Pemohon.
- iii) Melalui ejen-ejen atau wakil-wakil Pemohon dengan mengambil dan membayar bagi pihak ANGKASA kupon-kupon wang saku wakil tersebut dengan harga lebih tinggi dari sepatutnya iaitu RM160.00 sebagai balasan kepada perwakilan kerana menyerahkan kad undi mereka.
- iv) Menyebabkan penerbitan dan gambar kulit dan isi kandungan di dalam Majalah i Bil.86 edisi Disember 2009. Gambar kulit asal telah ditukar dengan gambar Pemohon, manakala artikel asal dari muka surat 19 hingga 26 ditukar dengan artikel Pemohon. Majalah

tersebut telah diedarkan oleh Pemohon dan/atau melalui ejen-ejen atau wakil-wakil Pemohon semasa PKTA ke 26, 19 Disember 2009 di PWTC, Kuala Lumpur dengan tujuan menonjolkan diri Pemohon. Butir-butir yang Pemohon huraikan dalam rencana yang kononnya disiarkan oleh Majalah tersebut juga tidak benar dan betul kerana perkara-perkara tersebut telah pun diputuskan oleh Jawatankuasa ANGKASA.

- v) Menggunakan dan memakai darjah kebesaran “Dato” semasa berkempen pada PKTA ke 26 dengan tujuan meraih sokongan perwakilan kepada Pemohon, yang memberi gambaran seolah-olah Darjah Kebesaran tersebut telah dianugerahkan secara sah oleh Raja-raja Melayu dan/atau Yang Dipertuan Besar dan/atau Yang Dipertua Negeri di Negeri-Negeri di Malaysia atau dianugerahkan oleh Yang Dipertuan Agong, sedangkan Pemohon tidak pernah dianugerahkan Darjah Kebesaran sedemikian. Hakikatnya anugerah yang kononnya diterima daripada Istana Surakarta Hadiningrat, Indonesia adalah diragui kesahihannya dan sekali pun ia adalah sahih, ia tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan justeru itu tidak boleh dipakai untuk apa-apa tujuan melainkan dengan kebenaran Kerajaan Malaysia dan tidak ada kebenaran sedemikian pernah diberikan.

3. PERTIKAIAN PEMOHON

Pemohon telah memfailkan Borang A pada 8 November 2011 untuk merujuk pertikaian kepada Tribunal. Perkara-perkara yang dipertikaikan ialah:

- (1) Surat ANGKASA AKMM(S)2/4/3(15) menggantung hak saya adalah tidak sah kerana di luar bidang kuasa Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan ANGKASA.

- (2) ANGKASA telah mengeluarkan gambar saya di media dengan cara memalukan, menjatuhkan maruah. Memburukkan imej saya, menjatuhkan reputasi saya selaku ahli perniagaan.
- (3) Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) ke 26 pada 19 Disember 2009 mendapati Hj. Mutadho bin Bahri Yang dilantik sebagai Naib Yang Dipertua daripada jawatan Pengerusi Perhubungan Negeri Perlis tidak digugurkan sepertimana kehendak perkara 31(5), Undang-Undang Kecil (UUK) ANGKASA.
- (4) Setiap penggantungan hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat agung terdekat. ANGKASA gagal membentangkan penggantungan dalam 2 kali mesyuarat agung, yang pertama mesyuarat agung khas di Pulau Pinang dalam bulan Ogos 2010 dan yang kedua pada 14 Mac 2011. Dengan demikian sudah luput penggantungan.
- (5) PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009, ANGKASA didapati telah berbelanja untuk PKTA ke 26 berjumlah RM2.62 juta di mana ianya melebihi sebanyak RM625,328 atau 31% bajet tahunan yang PKTA berjumlah RM2.0juta. Lebihan perbelanjaan ini melanggar peraturan 14(2) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 yang memperuntukkan Koperasi hanya boleh belanja tidak melebihi 5% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh mesyuarat agung.

ANGKASA dan 8 orang penjawat telah menggunakan wang ANGKASA untuk berkempen PKTA 19 Disember 2009 secara haram seperti minit mesyuarat Jawatankuasa Kerja ANGKASA (JKK) bertarikh 11 November 2009 telah membelanjakan wang ANGKASA secara haram melebihi peruntukan diluluskan Persidangan Kebangsaan ANGKASA dari RM1.5juta-RM2.0juta.

- (6) PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009, ANGKASA telah didapati membayar elaun kehadiran kepada perwakilan PKTA sebanyak RM160.00 seorang berjumlah RM399,668 daripada budget yang diluluskan RM 480,000 bagi tahun 2009/2010. Perbelanjaan elaun kehadiran kepada perwakilan PKTA juga dibayar pada PKTA sebelumnya. Tindakan ini bertentangan dengan perkara 28, UUK ANGKASA.
- (7) Pembelian 7 buah kereta Toyota Camry tidak sah – Pada tarikh 7 September 2010, saya difahamkan ANGKASA di bawah pimpinan Prof Dato' Dr. Mohd Ali Hj Baharom telah membeli 7 buah kereta Toyota Camry 2.0cc dengan anggaran harga RM170,000 sebuah melibatkan jumlah keseluruhannya melebihi RM1.19 juta, sedangkan pembelian jumlah besar ini tidak dibentangkan dan tidak mendapat kelulusan Persidangan Kebangsaan ANGKASA ke 26 pada 19 Disember 2009. Ini adalah salah laku undang-undang penggunaan wang ANGKASA bertentangan UUK ANGKASA dan Akta Koperasi 1993.

4. PERMOHONAN RELIEF

4.1 Permohonan relief untuk pertikaian 3.1 ialah:

- i) Batalkan penggantungan saya
- ii) Memohon minta maaf secara terbuka di dalam media
- iii) Memohon pampasan ganti rugi maruah RM50juta

4.2 Permohonan relief untuk pertikaian 3.2 ialah:

- i) Memohon Tribunal mengisytiharkan tindakan ANGKASA adalah salah.
- ii) Menuntut ANGKASA minta maaf secara terbuka di dalam media
- iii) Memohon pampasan ganti rugi maruah RM50juta

4.3 Permohonan relief untuk pertikaian 3.3 ialah:

- i) Oleh kerana Hj. Mutadho tidak sah menjadi NYDP sejak 19 Disember 2009 maka keahlian Hj. Mutadho dalam JKT adalah tidak sah membatalkan keputusan JKT ANGKASA sejak 20 Disember 2009, membatalkan jawatankuasa penyiasatan di mana Hj. Mutadho selaku Pengerusi Penyiasatan, maka keputusan JKT adalah tidak sah.
- ii) Batalkan penggantungan saya
- iii) Memohon minta maaf secara terbuka di dalam media
- iv) Memohon pampasan ganti rugi maruah RM50juta

4.4 Permohonan relief untuk pertikaian 3.4 ialah:

- i) Membatalkan penggantungan
- ii) Mengisytiharkan di media massa Malaysia
- iii) Memohon pampasan RM50juta

4.5 Permohonan relief untuk pertikaian 3.5 ialah:

- i) JKK yang terlibat diminta membayar kembali wang yang digunakan iaitu sebanyak RM625,328 kepada Yayasan Ukhwah untuk digunakan sebagai sumbangan pendidikan anak-anak Koperasi. Nama-nama JKK tersebut ialah:
 - 1) Prof. Dato' Dr Mohd Ali Hj Baharum
 - 2) Dato' Hj.Abdul Fattah Hj Abdullah
 - 3) Puan Hjh Armi Hj Zainuddin
 - 4) Tn Hj Mutadho bin Bahri
 - 5) En.Suresh Kumar
 - 6) En.Mohammad Zamri Hj Yaakob
 - 7) Tn.Hj Mohd Ali Ahmad
 - 8) Tn.Hj Abdullah Jusoh

4.6 Permohonan relief untuk pertikaian 3.6 ialah:

i) Semua ahli JKT hendaklah membayar kembali wang sebanyak RM399,668 dan dimasukkan ke dalam Yayasan Ukhwah untuk tujuan pendidikan anak-anak Koperasi. Nama-nama JKT adalah seperti berikut:

- 1) Prof. Dato' Dr Mohd Ali Hj Baharum
- 2) Dato' Hj. Abdul Fattah Hj Abdullah
- 3) Puan Hjh Armi Hj Zainuddin
- 4) Tn Hj Mutadho bin Bahri
- 5) En. Basharuddin Saidin
- 6) Tn. Hj Radzi Jaafar
- 7) Tuan Shaikh Ismail Md Allapichay
- 8) Dato' Hj Aliasak Hj Ambia
- 9) Tn Hj Munir Badrul Jamil
- 10) Datuk Hjh Noraini Datuk S.P. Hj Salleh
- 11) Tuan Hj Tuan Ludin Tuan Lochik
- 12) Tn Hj Mansor Abdullah
- 13) Tn Hj Mohamed Jais Hassan
- 14) Tn Hj Muslim Md Shah
- 15) Tn Hj Usuf Hj Samah @ Abu Samah
- 16) Tn Hj Ismail Nordin
- 17) Tn. Hj Abdul Aziz Hj Abdullah
- 18) Tn. Hj Razali Dato' Hj Rahmat
- 19) En. Abdul Aziz Abdul Karim
- 20) En. Nasir Khan Yahaya
- 21) En. Suresh Kumar
- 22) En. Mohammad Zamri Hj Yaacob

4.7 Permohonan relief untuk pertikaian 3.7 ialah:

- i) Memohon deklarasi pembelian kereta itu adalah tidak sah
- ii) Menyerahkan 7 buah kereta Camry itu kepada Yayasan Ukhwah untuk tujuan disewakan agar mendapat pendapatan dan hasilnya boleh diberikan sumbangan pelajaran kepada anak-anak Koperasi.

5. BANTAHAN AWAL

Pada Prosiding yang telah dijalankan pada 3 Ogos 2012, Pemohon telah mengemukakan Bantahan Awal yang mengandungi 6 perkara merujuk kepada P2. Menurut Pemohon bantahan ini adalah bertujuan untuk menyokong permohonan asal dalam Borang A. Setelah mendapatkan maklumbalas daripada Pemohon dan Responden, Tribunal telah memutuskan Bantahan Awal tersebut seperti dalam Nota Prosiding mukasurat 8 seperti berikut:

“Perenggan 4 dalam Bantahan Awal adalah ditolak kerana 2 sebab iaitu perwakilan ini berlaku pada 2011 sedangkan tindakan ini diambil ke atas Pemohon lebih awal dan Akta Koperasi menetapkan had umur pelajar sekolah menjadi ahli koperasi ialah 12 tahun. Berhubung dengan Perenggan 3, 5 dan 6, Tribunal membenarkan ianya dibicarakan bersama dengan Perkara Pertama dalam Borang A. Tetapi Pernyataan dalam Perenggan 3, 5 dan 6 hendaklah dibuktikan wujud pada tempoh atau masa hukuman terhadap Pemohon dibuat.

6. PERTIKAIAN

6.1 Surat ANGKASA AKMM(S)2/4/3(15) menggantung hak saya adalah tidak Sah Kerana di luar bidang kuasa Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan ANGKASA.

Pertikaian ini adalah dibincangkan bersama dengan bantahan awal bagi perkara 1, 3, 5 dan 6 iaitu :

- (a) Luput masa penggantungan
- (b) ANGKASA telah diurus tadbir oleh 5 orang Lembaga tidak sah
- (c) Presiden ANGKASA terbatal jawatannya
- (d) Terbatal jawatan Lembaga ANGKASA
 - i) Mengikut Undang-undang Kecil ANGKASA UUK15, seksyen 30(6)
 - ii) Mengikut Akta Koperasi 1993, Seksyen 17(1)

Hujah Pemohon

- i) Pemohon menghujahkan bahawa Ahli ANGKASA ialah sebarang Koperasi yang menganggotai ANGKASA, manakala Pemohon adalah individu rakyat Malaysia.
- ii) UUK ANGKASA hanya memperuntukkan pemecatan dan gantung. Hukuman yang dikenakan terhadap Pemohon ini adalah diluar bidang kuasa ANGKASA.
 UUK 15 ANGKASA hanya memperuntukkan kuasa menggantung anggota oleh JKT apabila:
*“Sebarang ahli yang didapati bersalah setelah disiasat oleh JKT kerana perjalanannya yang bertentangan dengan kepentingan ANGKASA atau Gerakan Koperasi amnya boleh **digantung** keahlian sehingga atau ketetapan Persidangan Kebangsaan **memecatnya** diluluskan....”*
 Responden gagal melaksanakan UUK 15 terhadap Pemohon kerana selepas tarikh hukuman dikenakan sudah tiga kali PKTA diadakan tetapi Pemohon tidak pernah dipanggil untuk membela diri jika mengikut peruntukan UUK 15. Peraturan 20(3) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 telah menggariskan bahawa
 “Penggantungan anggota Lembaga tertakluk kepada pengesahan atau pengeneplan”

- iii) Pemohon berhujah seksyen 42 Akta Koperasi mengkehendaki berikut:

“Tertakluk kepada peraturan-peraturan atau perintah atau arahan atau garis panduan, tiap-tiap koperasi hendaklah mempunyai suatu Lembaga, yang hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada enam orang dan tidak lebih daripada lima belas orang anggota yang dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan.”

Pemohon berhujah bahawa pada PKTA 10.1.2009 sehingga hukuman dikenakan kepada Pemohon jumlah anggota Lembaga yang dilantik dalam PKTA adalah seramai 5 orang sahaja ini adalah berasaskan kepada keterangan saksi SP2 semasa disoal oleh Pemohon pada muka surat 37, 38, 39 dan 40 Nota Prosiding

Pemohon : Merujuk kepada seksyen 42 Akta Koperasi 1993, berapa orangkah Lembaga ANGKASA yang dilantik melalui PKTA bertarikh 10.1.2009?

SP2 : Pada PKTA itu 5 jawatan Lembaga ANGKASA telah diisi.

Pada soalan lain di Nota Prosiding muka surat 38 SP2 telah memaklumkan:

Pemohon : Berapa orangkah yang dilantik menganggotai lembaga pada PKTA ini?

SP2 : 17 orang.

Pemohon : Adakah semua 17 orang ini dilantik melalui pertandingan dalam PKTA ini?

SP2 : Tidak.

Nota Prosiding muka surat 39

Pemohon : Berapa orangkah yang menganggotai lembaga yang dilantik melalui PKTA pada tarikh 1 Jun 2010?

SP2 : 5 orang.

Pemohon : Rujuk kepada jawapan kamu bahawa 6 orang lembaga yang dilantik melalui pertandingan PKTA dari 19.12.2009 sehingga PKTA bertarikh 14.5.2011, sila beritahu Tribunal bilakah anggota lembaga yang ke 6 mula dilantik hasil daripada pertandingan?

SP2 : Saya perlu masa untuk memeriksa fail.

Nota Prosiding muka surat 40

Pemohon : Sila beritahu Tribunal bilakah anggota lembaga yang ke 6 mula dilantik hasil daripada pertandingan sehingga PKTA 14.5.2011?

SP2 : Mulai 14.5.2011.

- iv) Dalam Bantahan Awal, Pemohon telah menghujahkan bahawa Presiden ANGKASA, Prof. Dato' Dr. Hj. Mohd Ali Bin Haji Baharum yang juga Pengerusi Koperasi Birr Malaysia Berhad telah digantung jawatannya dalam Koperasi tersebut. Berikutan dari penggantungan itu dan merujuk kepada seksyen 70 Akta Koperasi

1993 iaitu di bawah perkara Pegawai yang dipecat atas perintah Suruhanjaya tidak boleh dilantik semula;

“ Jika seseorang pegawai sesuatu koperasi telah dipecat atas sesuatu perintah Suruhanjaya di bawah subperenggan 69(1)(iii) subsubperenggan 69 (1)(iv)(A), pegawai itu hendaklah selepas itu menjadi tidak layak untuk dilantik sebagai anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa koperasi itu atau diambil kerja semula oleh koperasi itu atau mana-mana koperasi lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tempoh lima tahun dari tarikh pemecatan sedemikian”.

Tetapi di sini Prof. Dato’ Dr. Hj. Mohd Ali Bin Haji Baharum masih meneruskan khidmatnya sebagai Presiden ANGKASA. Oleh itu semua mesyuarat yang dipengerusikan oleh Prof. Dato’ Dr. Hj. Mohd Ali Bin Haji Baharum adalah tidak sah. Dan keputusan untuk menggantung Pemohon adalah juga TIDAK SAH.

Rujuk Nota Prosiding muka surat 140:

Pemohon : Rujuk P7 ms 60-68. Siapakah pengerusi Koperasi BIRR pada 15.11.2007?
SP6 : Saya.

Rujuk Nota Prosiding muka surat 141:

Pemohon : Akibat daripada pemberhentian aktiviti tersebut, adakah SKM mengambil apa-apa tindakan ke atas koperasi BIRR?
SP6 : Ya, siasatan telah dibuat oleh SKM.

Pemohon : Apakah hasil siasatan oleh SKM?
SP6 : Koperasi BIRR dibubarkan.

- v) Faktor elaun adalah salah satu perkara yang ditimbulkan oleh Pemohon dalam Bantahan Awal beliau sebagaimana dalam P2. UUK 30(6) ANGKASA memperuntukkan bahawa:

*” Ahli-ahli JKT adalah berkhidmat secara **sukarela** tanpa sebarang **gaji atau elaun tetap**, tetapi mereka bolehlah dibayar elaun perjalanan, elaun makan, elaun penginapan dan lain-lain elaun yang berpatutan kerana menjalankan tugas rasmi ANGKASA. Ahli JKT yang menerima elaun tetap adalah dengan sendirinya **terhenti** daripada JKT.”*

Pemohon menghujahkan berdasarkan kepada keterangan saksi di muka surat 79 Nota prosiding bahawa Responden telah membayar elaun tetap kepada ahli-ahli JKT dan tidak mematuhi UUK 30(6) dan perlakuan ini telah menyebabkan ahli JKT tidak sah dan sendirinya semua tindakan yang dibuat oleh JKT pada tarikh hukuman dijatuhkan adalah tidak sah dan terbatal.

Pemohon : Rujuk P7 ms 73. Saya katakan kepada kamu bahawa elaun tetap sebanyak RM500.00 akan diberikan kepada Lembaga setiap kali menghadiri mesyuarat JTK, JTK khas, persidangan kebangsaan dan persidangan negeri. Setuju atau tidak?

SP5 : Yang dibayar **bukan elaun tetap** tetapi elaun mesyuarat pada kadar RM500 untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut.

Pemohon : Rujuk ms yang sama. Saya katakan bahawa elaun tetap sebanyak RM400 akan dibayar kepada Lembaga setiap kali menghadiri mesyuarat JKK, JKK Khas, JKEW, JBPA, JKA,

JKA Khas, JK Pengurusan ANGKASA, JSP dan JSA. Setuju atau tidak?

SP5 : Yang dibayar bukan elaun tetap tetapi elaun mesyuarat yang dibayar pada kadar RM400 untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut.

Pemohon : Jadi setiap kali menghadiri mesyuarat JK, Lembaga akan dibayar samada RM500 atau RM400?

SP5 : Tidak, elaun mesyuarat akan dibayar berdasarkan kepada jenis mesyuarat yang dihadiri.

Hujah Responden

- i) Tindakan ke atas Pemohon berdasarkan tafsiran dalam perkara 4 UUK (ms 2, R3) dan tafsiran yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi (ms 24, R4).

*“.....Therefore I agree with counsel for the Defendant that the plaintiff, as ‘**anggota**’ member of the Defendant, is therefore subject not only to the provisions of the Act but also to Defendant’s by-laws. The Defendant therefore has jurisdiction to act against the plaintiff for any alleged misconduct.”*

Responden juga merujuk kes ini dalam kes Leong Sang v. Dato’ Chu Ah Nge, Presiden Kelab Diraja Selangor sebagaimana dalam TAB-1 Ikatan Otoriti Responden *“the relationship between the Plaintiff and the Club is contractual and the Plaintiff, by agreeing to*

be a member, is deemed to have accepted to be bound by the Defendant's rules”.

- ii) Tindakan yang diambil oleh Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan (JKT) terhadap Pemohon adalah **suatu kesalahan disiplin** berkaitan dengan hak dan tanggungjawab sebagai ahli atau anggota kepada ahli ANGKASA. Bertujuan untuk membendung perbuatan-perbuatan yang boleh memudaratkan organisasi dan pergerakan Koperasi. Pemohon didapati melakukan kesalahan yang bertentangan dengan etika dan disiplin Responden. Hukuman yang dikenakan ke atas Pemohon bukanlah satu hukuman yang berat kerana Pemohon masih lagi diberi kebebasan untuk menyertai program-program anjuran Responden yang berkaitan dengan pendidikan, latihan dan lain-lain seumpamanya seperti seminar, kursus, konvensyen dan sebagainya. Malahan penggantungan Pemohon adalah dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu dalam masa lima (5) tahun.

Responden menghujahkan bahawa mengikut UUK ANGKASA Hukuman berat yang dikenakan terhadap Pemohon bagi salah laku sepertimana yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Kecil ANGKASA 1997 adalah pemecatan jawatan yang mana boleh dianggap serius. Responden memohon Tribunal yang Mulia ini untuk merujuk kepada **Perkara 15** pada **R3** di **m/surat 90**, yang mana adalah seperti berikut:-

“Pemecatan.

15. *Sebarang ahli yang didapati bersalah setelah disiasat oleh JKT kerana perjalannnya yang bertentangan dengan kepentingan ANGKASA atau Gerakan*

Koperasi amnya boleh digantung keahlian sehingga suatu ketetapan Persidangan Kebangsaan memecatnya diluluskan. Kenyataan yang berpatutan hendaklah diberi dalam agenda Persidangan Kebangsaan dengan syarat Ahli yang bersalah itu telah diberitahu satu bulan terlebih dahulu manakala cadangan tersebut dikemukakan sebagai satu ketetapan. ketetapan demikian akan hanya berkuatkuasa jika ianya diluluskan dengan kelebihan suara 2/3 daripada wakil-wakil yang hadir.”

Hak Pemohon sebagai ahli tidak disekat sepenuhnya dan hukuman yang dikenakan adalah setimpal dengan perbuatan yang dilakukan oleh Pemohon.

- iii) Responden berhujah bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh JTK ANGKASA adalah satu hukuman yang sah dan munasabah dan tidak memprejudiskan Pemohon dari mana-mana segi sekalipun.

Hujahan ini adalah berdasarkan kepada keterangan SR5 di mana proses yang telah diambil oleh JKT ANGKASA adalah satu proses yang sah dan lengkap di sisi undang-undang

S: Saya rujuk kamu kepada pertikaian pertama oleh Pemohon, apakah pendirian ANGKASA dalam hal ini?

J: Tindakan disiplin telah diambil ke atas Pemohon. Hukuman yang dijatuhkan terhadap pemohon adalah berdasarkan kepada prosedur iaitu terdapat aduan terhadap Pemohon dan siasatan awal telah dilakukan dan didapati aduan tersebut mempunyai asas. Kemudiannya, satu panel siasatan telah ditubuhkan

dan surat tunjuk sebab dikeluarkan. Selepas surat tunjuk sebab dikeluarkan, Pemohon ada memberikan jawapan tetapi jawapan tersebut tidak memuaskan. Selanjutnya, Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan ANGKASA memutuskan untuk lakukan siasatan dalaman. Selepas daripada itu, Notis Siasatan dikeluarkan pada 24.6.2011 untuk meminta Pemohon hadir dalam siasatan tersebut tetapi Pemohon tidak hadir. Perbicaraan siasatan tersebut diadakan pada 9 dan 22 Julai 2010. Selepas perbicaraan dijalankan dan laporan telah diberikan oleh panel penyiasatan, laporan tersebut kemudiannya diserahkan kepada Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan ANGKASA untuk keputusan. Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan ANGKASA telah memutuskan untuk melucutkan hak Pemohon untuk menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA selama tempoh 5 tahun. Keputusan tersebut telah berkuatkuasa mulai 25.8.2010. Pemohon bagaimanapun masih boleh terus menikmati perkhidmatan pendidikan, latihan seperti Seminar, Kursus dan lain-lain seumpamanya. Dokumen-dokumen berkenaan dengan prosiding disiplin ini adalah dilampirkan di dalam Jawapan oleh Responden kepada tuntutan Pemohon.”

(Sila rujuk m/surat 2-4, R19)

Pemohon pada setiap masa telah diberi peluang untuk membela dirinya namun, Pemohon gagal berbuat demikian apabila Pemohon gagal bukan sahaja setakat memberi sebarang bukti terhadap

kesahihan tuduhan malah apabila Pemohon gagal menghadirkan diri ke sesi Siasatan Dalaman tersebut.

6.2 ANGKASA telah mengeluarkan gambar saya di media dengan cara memalukan, menjatuhkan maruah. Memburukkan imej saya, menjatuhkan reputasi saya selaku ahli perniagaan.

Hujah Pemohon

- i) Pihak Pemohon melalui saksinya SP2 rujuk Nota prosiding, muka surat 28 dan 29 telah mengesahkan bahawa Responden telah mengadakan sidang akhbar ini pada 22 November 2010, di pejabat ANGKASA Kelana Jaya dan melalui Presidennya menyiarkan gambar dan nama Pemohon dalam Majalah Pelancar tersebut ke dalam media perdana seperti Berita Harian, Utusan Malaysia dan KOSMO bertarikh 23 November 2010.

Pemohon: Rujuk P4 ms 37, dokumen apakah ini dan siapakah mereka yang dinyatakan dalam dokumen ini?

SP2: Ini adalah keratan dokumen mukasurat 5 daripada majalah pelancar bertarikh November 2010 mengenai pengumuman mereka yang disekat daripada menyertai program-program ANGKASA iaitu Hjh Miss Yati Dani, Hj Abd Rahim Tawel, Sanisah Abd Aziz, Dato' Hj Noor Zainan dan Tn. Hj Mustapa Kamal Maulut. Ia juga mengenai pengumuman perlantikan Pengerusi Perhubungan ANGKASA negeri Selangor iaitu En. Mohamad Azmi Omaruddin.

Pemohon: Lihat ms 40, 41, 43 dan 44. Adakah kamu setuju pada mukasurat tersebut ada tertulis nama saya atau

koperasi yang saya menjadi pengerusinya atau mengenai tindakan melucutkan hak saya untuk menyertai mana-mana persidangan kebangsaan, negeri atau mesyuarat ANGKASA.

SP2: Setuju.

Pemohon mendakwa bahawa kesan daripada siaran media ini telah mempengaruhi masyarakat hilang kepercayaan kepada institusi pendidikan agama Islam kerana Pemohon bertugas sebagai Pengetua di Maahad Tahfiz Al Quran At Tijarah, iaitu sebuah sekolah agama swasta yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.

Tindakan daripada siaran media ini juga telah menjejaskan Koperasi Pendidikan Islam Malaysia Berhad kerana Maybank Berhad telah membatalkan hasrat untuk membiayai pembelian 10 unit hartanah banglo di Ipoh dengan nilai RM25 juta dan tawaran *working capital* untuk pembiayaan peribadi koperasi kredit UKHWAH dari Eon Bank Berhad berjumlah RM900 juta.

Hujah Responden

- i) Responden dalam memberikan keterangan melalui saksi-saksi tidak mempertikaikan pengumuman yang dibuat dalam Majalah Pelancar bertarikh November 2010 mengenai mereka yang disekat daripada menyertai program-program ANGKASA.

6.3 Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) ke 26 pada 19 Disember 2009 mendapati Hj. Mutadho bin Bahri Yang dilantik sebagai Naib Yang Dipertua daripada jawatan Pengerusi Perhubungan Negeri Perlis tidak digugurkan sepertimana kehendak perkara 31(5), Undang-undang Kecil (UUK) ANGKASA .

Pertikaian ini juga berkaitan dengan perkara no.2 dalam Bantahan Awal Pemohon iaitu Pengerusi Jawatankuasa Disiplin ANGKASA adalah tidak sah.

- i) Pemohon menghujahkan bahawa hukuman sekat kepada Pemohon adalah mengikut UUK 31, oleh itu rentetan prosedur mestilah mengikuti panduan UUK 31(3), dimana Jawatankuasa Siasatan yang penting ini hendaklah dipengerusikan oleh sama ada Timbalan Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua seperti UUK ANGKASA 31(3). Dalam hal ini Hj Muthado adalah tidak sah menjadi Naib Yang Dipertua kerana tempohnya tamat 19 Disember 2009. Jawatankuasa ini hendaklah tertakluk kepada kuasa Yang Dipertua kerana Prof. Dato' Dr. Hj. Mohd Ali Bin Haji Baharum membuat pengakuan penggantungan adalah di bawah kuasa Yang Dipertua mengikut UUK 31 ANGKASA, bukan kuasa JKT dalam UUK 32. Sementara itu JKT akan dibuktikan tidak sah (*null and void*) dan tiada *locus standy* untuk menjatuhkan hukuman kepada Pemohon.
- ii) Pemohon juga berhujah atas pertikaian di atas adalah berasaskan surat dari SKM sebagaimana rujukan di R5 mukasurat 156 perkara 1 dan Perintah bertulis dari SKM bertarikh 14 Mac 2011 (R5, muka surat 159) yang mengarahkan Lembaga Koperasi ANGKASA mengambil tindakan menggugurkan Hj.Mutadho Bin Bahari (Naib Presiden) daripada anggota Lembaga ANGKASA.

Oleh kerana Responden tidak mematuhi UUK 31(5) maka jawatan Hj. Mutadho sebagai Naib Presiden dan dilantik pula sebagai Pengerusi Jawatankuasa Siasatan adalah tidak sah. Dengan itu prosedur hukuman ke atas Pemohon adalah cacat dan tidak sah.

Hujah Responden

- i) Isu berkenaan dengan Tuan Hj. Muthado bin Bahri yang dilantik sebagai Pengerusi Panel Siasatan di dalam kes Pemohon adalah bukan satu isu yang material dan ianya adalah tidak relevan kerana penubuhan panel siasatan dan individu-individu yang dilantik untuk menyiasat aduan tersebut adalah di bawah hak dan kuasa Responden dan tidak berkaitan dengan penerimaan dan persetujuan daripada Pemohon.
- ii) Perbicaraan mengenai pertuduhan Pemohon dijalankan sebelum Tn. Hj. Mutadho bin Bahri digugurkan sebagai NYDP ANGKASA iaitu pada 1.4.2011. **(Sila rujuk m/surat 3, R3)** dan lantikan Tn. Hj. Mutadho sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan bukanlah berdasarkan jawatan yang dipegang di dalam Lembaga ANGKASA iaitu sebagai NYDP, tetapi beliau dilantik bagi menyiasat aduan yang diterima daripada PEYAKIN terhadap Pemohon yang mana segala keputusan yang dibuat daripada hasil penyiasatan yang telah dijalankan terletak pada JTK ANGKASA dan bukanlah oleh panel siasatan.

Perkara ini telah dijelaskan oleh saksi dalam Nota Prosiding pada muka surat 164-166 semasa Pemeriksaan Utama SP7.

- 6.4 Setiap penggantungan hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat agung terdekat. ANGKASA gagal membentangkan penggantungan dalam 2 kali mesyuarat agung, yang pertama mesyuarat agung khas di Pulau Pinang dalam bulan Ogos 2010 dan yang kedua pada 14 Mac 2011. Dengan demikian sudah luput penggantungan.**

Hujah Pemohon

Hujahan pertikaian para 6.4 ini adalah sama dalam Hujahan Pemohon pada perkara (ii) dalam pertikaian di para 6.1

Hujah Responden

Hujahan Responden pada pertikaian para 6.4 ini adalah sama dalam Hujahan Responden pada perkara (ii) dalam pertikaian di para 6.1

- 6.5 PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009, ANGKASA didapati telah berbelanja untuk PKTA ke 26 berjumlah RM2.62 juta di mana ianya melebihi sebanyak RM625,328 atau 31% bajet tahunan yang PKTA berjumlah RM2.0juta. Lebihan perbelanjaan ini melanggar peraturan 14(2) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 yang memperuntukkan Koperasi hanya boleh belanja tidak melebihi 5% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh mesyuarat agung.**

ANGKASA dan 8 orang penjawat telah menggunakan wang ANGKASA untuk berkempen PKTA 19 Disember 2009 secara haram seperti minit mesyuarat Jawatankuasa Kerja ANGKASA (JKK) bertarikh 11 November 2009 telah membelanjakan wang ANGKASA secara haram melebihi peruntukan diluluskan Persidangan Kebangsaan ANGKASA dari RM1.5juta-RM2.0juta.

Hujah Pemohon

- i) Pertikaian di para 6.5 ini adalah berdasarkan kepada Penemuan-penemuan Pemeriksaan seksyen 64 Akta Koperasi 1993 yang mendapati bahawa ANGKASA melanggar peraturan 14(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 (rujuk R3, muka surat 156, no.2 Lampiran 1)

- ii) SP5 telah mengesahkan bahawa Responden telah mengarahkan untuk membuat tambahan budget bagi tujuan persidangan ANGKASA di PKTA ke 26. Rujuk Nota Prosiding muka surat 72 -73

Pemohon: Rujuk P4 ms 66. Apakah dokumen ini?

SP5 : Dokumen ini adalah Minit Mesyuarat Khas JKK ANGKASA yang diadakan pada 11.11.2009 jam 3 ptg.

Pemohon: Rujuk P4 ms 67. Perkara 112. Adakah anda mengikut arahan menambah bajet untuk tujuan persidangan ANGKASA itu?

SP5 : Saya mengikut arahan untuk membuat pindaan keseluruhan bajet ANGKASA termasuk perkara ini untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun 2010.

Pemohon : Rujuk P7 ms 2. Adakah perkara 2 dan 3 ini berlaku pada PKTA ke 26?

SP5 : Ya ia ada berlaku.

Pemohon : Rujuk P7 ms 2. Adakah perkara 2 dan 3 ini berlaku pada PKTA ke 26?

SP5 : Ya ia ada berlaku.

Pemohon : Adakah perbelanjaan yang melebihi bajet 31% yang disebutkan oleh surat SKM dalam P4 ms 24 perkara 2 digunakan untuk membayar perkara 2 dan perkara 3 dalam P7 ms 2?

SP5 : Lebihan bajet 31% merangkumi banyak perkara yang termasuk bayaran penginapan dan pengangkutan.

- iii) Agenda Mesyuarat Agung di dalam Akta 502, Peraturan Koperasi 1995, perkara 12 (1) sub a – p, perkara Fungsi Mesyuarat Agung telah menggariskan agenda mesyuarat. Maka dengan nyata **tidak ada agenda membuat konvensyen**. Oleh itu acara konvensyen adalah tidak sah. Penggunaan wang ANGKASA adalah tidak sah.
- iv) Di kehendaki oleh Peraturan-peraturan Koperasi 1995 , perkara 14(1) ialah menunjukkan dengan jelas butiran pendapatan dan perbelanjaan.

Apa-apa sahaja perbelanjaan sepanjang operasi pada tahun itu termasuk perbelanjaan yang bersangkutan PKTA hendak mendapat kelulusan budget dalam PKTA sebelumnya iaitu PKTA 25, bukannya membelanjakan dahulu wang kemudian baru di bentangkan meminta kelulusan PKTA sepertimana kehendak Peraturan Koperasi 1995 , perkara 12(1)(e) iaitu “ menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang akan datang.”

Hujah Responden

- i) Responden melalui soalan balasnya semasa SP5 rujuk Nota Prosiding muka surat 95-97 telah mengesahkan dan menjelaskan mengenai bajet berlebihan yang dipertikaikan oleh Pemohon:

Peg. Responden : Rujuk dokumen yang sama, perkara no. 2.
ANGKASA telah didapati berbelanja melebihi

bajet untuk PKTA ke26 sebanyak 31%.
Adakah kamu tahu bagaimana jumlah 31% ini
diperolehi?

SP5 : Ya.

Peg. Responden : Sila jelaskan jawapan kamu itu?

SP5 : Saya merujuk kepada R3 Lampiran 8. 31% itu
ditunjuk dalam kolum ruangan ke 6 pada
Jumlah Besar Persidangan/Konvensyen/Lain-
lain iaitu sebanyak RM625,327.57. Jumlah ini
merupakan lebihan belanja sebenar yang
ditunjukkan dalam ruangan ke 5 pada jumlah
besar (RM2,625,327.57) berbanding dengan
belanjawan yang diputuskan pada PKTA ke 26
yang ditunjukkan pada ruangan ke 4
(RM2,000,000.00) pada jumlah besar.

Peg. Responden : Adakah pengiraan ini berdasarkan bajet
keseluruhan ANGKASA ataupun terhad
kepada bajet persidangan/konvensyen/lain-
lain?

SP5 : Ia terhad kepada bajet
persidangan/konvensyen/lain-lain sahaja.

Peg. Responden : Ini membawa maksud bahawa berdasarkan R3
Lampiran 8, ANGKASA telah berbelanja
lebihan sebanyak RM625,327.57. Dari
manakah peruntukan lebihan sebanyak
RM625,327.57 diperolehi dan dibelanjakan

sedangkan bajet yang diluluskan hanyalah sebanyak RM2,000,000.00 sahaja?

SP5 : Jumlah peruntukan sebanyak RM625,327.57 ini diambil daripada lebihan bajet ANGKASA yang **tidak dibelanjakan sebanyak RM10 juta**. Untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010, ANGKASA telah menyediakan bajet perbelanjaan berjumlah RM66,511,099.00 tetapi ANGKASA hanya membelanjakan sebanyak RM56 juta. Terdapat lebihan sebanyak RM10 juta untuk digunakan bagi menampung lebihan perbelanjaan ini.

Peg. Responden : Jika dikira berdasarkan bajet keseluruhan ANGKASA bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010, adakah ANGKASA telah berbelanja melebihi bajet yang telah diluluskan?

SP5 : Tidak.

Peg. Responden : Sila jelaskan jawapan kamu.

SP5 : Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010, jumlah bajet keseluruhan ANGKASA adalah RM66 juta manakala jumlah keseluruhan perbelanjaan sebenar adalah RM56 juta memberikan lebihan bajet yang tidak digunakan sebanyak RM10 juta.

Peg. Responden : Bolehkah kamu jelaskan kepada Tribunal apakah amalan ANGKASA berkenaan dengan anggaran belanja pada setiap tahun dan

adakah anggaran ini berdasarkan butir-butir khusus ataupun secara amnya?

SP5 : Amalan ANGKASA berkenaan dengan anggaran belanja pada setiap tahun membentangkan penyata pendapatan dan perbelanjaan untuk kelulusan PKTA tahunan dan pada kebiasaannya ANGKASA akan menggunakan bajet tersebut tidak terhad kepada butir-butir khusus tetapi tidak melebihi bajet keseluruhan tahunan ANGKASA.

Peg. Responden : Bolehkah kamu maklumkan samada perbelanjaan lebih untuk persidangan/konvensyen/dll telahpun dibentangkan dan dipersetujui oleh PKTA ke27?

SP5 : Ya. Telah dibentangkan dan dipersetujui.

6.6 PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009, ANGKASA telah didapati membayar elaun kehadiran kepada perwakilan PKTA sebanyak RM160.00 seorang berjumlah RM399,668 daripada budget yang diluluskan RM 480,000 bagi tahun2009/2010. Perbelanjaan elaun kehadiran kepada perwakilan PKTA juga dibayar pada PKTA sebelumnya. Tindakan ini bertentangan dengan perkara 28, UUK ANGKASA.

- i) Pertikaian di para 6.6 ini adalah berdasarkan kepada Penemuan-penemuan Pemeriksaan seksyen 64 Akta Koperasi 1993 yang mendapati bahawa tindakan ANGKASA telah bertentangan dengan UUK 28 ANGKASA (rujuk R3, muka surat 156 ,no.3 Lampiran 1)

Kandungan UUK 28 ANGKASA ialah:

“Segala perbelanjaan wakil-wakil menghadiri persidangan kebangsaan tidak ditanggung oleh ANGKASA, tetapi walau bagaimanapun belanja persiapan persidangan kebangsaan adalah ditanggung oleh ANGKASA”.

Pemberian elaun kehadiran ini telah pun disahkan oleh saksi-saksi semasa memberi keterangan sebagaimana dalam keterangan SP5 dalam Nota Prosiding di muka surat 72-73:

Pemohon : Rujuk P4 ms 24 perkara 3. Adakah kamu membayar kepada perwakilan PKTA 19.12.2009 berjumlah RM399,668.00 seperti yang ditulis oleh surat SKM di perkara 3?

SP5 : ANGKASA membayar bayaran ini sebagaimana tahun-tahun sebelumnya tetapi pada jumlah yang berbeza.

Pemohon : Rujuk R3 Lampiran 7 ms 3 perkara ii. Adakah perwakilan dibayar elaun kehadiran melalui pemberian kupon wang saku semasa pendaftaran pada 18 dan 19 Disember 2009?

SP5 : Perwakilan dibayar selepas pengundian selesai pada 19 Disember 2009 dengan menukarkan kupon wang saku dengan wang tunai.

Pemohon : Rujuk P7 ms 47 perenggan akhir. Adakah elaun kehadiran tetap dibayar kepada perwakilan PKTA 19.12.2009 walaupun UUK ANGKASA tidak membolehkannya?

SP5 : Ada.

- ii) Pemberian wang saku oleh ANGKASA kepada perwakilan adalah tidak sah, dan amalan tradisi memberi wang saku oleh ANGKASA adalah *illegal all the way*. Kelakuan ANGKASA memberi wang saku adalah disabit (*conviction*) salah kerana melanggar UUK28. Oleh itu tuduhan kepada Pemohon berhubung kupon wang saku adalah tidak boleh diambil kira (*cannot be considered*). ANGKASA itu sendiri adalah disabitkan bersalah, bagaimana pula ANGKASA ingin menyabitkan Pemohon bersalah.

Hujah Responden

Responden tidak mempertikaikan perkara ini disepanjang prosiding yang dijalankan.

- 6.7 Pembelian 7 buah kereta Toyota Camry Tidak Sah – Pada tarikh 7 September 2010, saya difahamkan ANGKASA di bawah pimpinan Prof Dato’ Dr. Mohd Ali Hj Baharom telah membeli 7 buah kereta Toyota Camry 2.0cc dengan anggaran harga RM170,000 sebuah melibatkan jumlah keseluruhannya melebihi RM1.19 juta, sedangkan pembelian jumlah besar ini tidak dibentangkan dan tidak mendapat kelulusan Persidangan Kebangsaan ANGKASA ke 26 pada 19 Disember 2009. Ini adalah salah laku undang-undang penggunaan wang ANGKASA bertentangan UUK ANGKASA dan Akta Koperasi 1993.**

Hujah Pemohon

- i) Pemohon menghujahkan bahawa pembelian kenderaan Toyota Camry oleh Responden tidak mendapat kelulusan daripada PKTA

kerana ANGKASA mengemukakan **pindaan belanjawan** adalah *tindakan tidak sah*, membuat pindaan kerana tiada peruntukan dalam Akta 502 yang membolehkan **agenda pindaan belanjawan**, agenda mesyuarat agung koperasi sudah ditentukan seperti Peraturan Koperasi 1995, perkara 12(e).

Usaha meminda budget adalah dengan ***niat retrospective ratification dan male-fide***, iaitu membuat keputusan menghalalkan kesalahan transaksi yang dibuat terdahulu.

Hujah Responden

- i) Berdasarkan Nota Prosiding muka surat 85-88, Responden melalui SP5 telah memberi penjelasan isu pembelian kereta Toyota Camry seperti berikut:

Peg. Responden : Berkenaan dengan pembelian 7 buah kenderaan ini boleh maklumkan tatacara pembelian kenderaan-kenderaan ini?

SP5 : Setiap tahun ANGKASA **menyediakan belanjawan** tahunan ANGKASA untuk tempoh 2 tahun ke hadapan (tahun semasa dan tahun berikutnya) dan mendapat kelulusan dalam PKTA. Setiap tahun semasa menyediakan bajet ANGKASA membuat pindaan anggaran terhadap belanjawan tahun semasa yang telah diluluskan dalam PKTA tahun sebelumnya. Pindaan anggaran belanjawan ini diluluskan dalam PKTA tahun semasa. Berdasarkan kepada kelulusan belanjawan oleh PKTA, permohonan pembelian diuruskan oleh Unit yang berkenaan.

Unit berkenaan akan menghantar permohonan pembelian kepada Unit Pembekalan Dan Perkhidmatan. Dalam kes pembelian kenderaan, kenderaan lazimnya dibeli daripada pembekal tunggal, dalam kes ini UMW Toyota Motor Sdn. Bhd. Unit berkenaan perlu mendapatkan sekurang-kurangnya 3 sebutharga dan sebutharga itu dibentang dalam mesyuarat JKK untuk kelulusan pemilihan pembekal. Selepas kelulusan JKK diperolehi, Unit Pembekalan dan Perkhidmatan akan mengeluarkan pesanan belian.

Peg. Responden : Dalam kes pembelian 7 buah kenderaan ini, maklumkan kepada Tribunal bilakah bajet ini diluluskan?

SP5 : Bajet untuk pembelian 7 buah kenderaan ini telah diluluskan pada **PKTA ke26 iaitu pada 19.12.2009**. Berdasarkan kepada bajet dwitahun kewangan, 6 buah kenderaan telah dibeli dari pindaan belanjawan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010 dan sebuah kenderaan telah dibeli dari belanjawan tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2011.

Peg. Responden : Dalam pertikaianya, Pemohon berkata bahawa kenderaan-kenderaan tersebut telah dibeli tanpa mendapat kelulusan PKTA ke 26 pada 19.12.2009. Adakah pernyataan ini benar?

SP5 : Tidak.

Peg. Responden : Boleh kamu jelaskan?

SP5 : Seperti yang saya terangkan sebentar tadi, pembelian kenderaan-kenderaan ini dibuat berdasarkan **bajet pindaan anggaran** bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010 dan bajet anggaran bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2011 yang telah diluluskan dalam PKTA 19.12.2009.

Peg. Responden : Rujuk R3 Lampiran 11 dan 12 boleh kamu maklumkan apakah dokumen-dokumen ini?

SP5 : Lampiran 11 ialah Pindaan Anggaran Belanjawan Modal/Hartanah Dan Peralatan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2010 dan kolum 5 ialah amaun yang telah diluluskan pada PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009.
Lampiran 12 ialah Anggaran Belanjawan Modal/Hartanah Dan Peralatan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2011 dan kolum 5 ialah amaun yang telah diluluskan pada PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009.

Peg. Responden : Daripada Lampiran 11 maklumkan kepada Tribunal jumlah bajet yang diluluskan untuk kenderaan?

SP5 : RM1.5 juta.

Peg. Responden : Adakah ini membawa maksud bahawa sehingga 30 Jun 2010 hanya pembelian sebanyak RM1.5 juta boleh dibuat untuk kenderaan?

SP5 : Ya.

Peg. Responden : Daripada Lampiran 12 adakah ini membawa maksud bahawa hanya pembelian sebanyak RM400,000.00 boleh dibuat sehingga 30 Jun 2011 untuk kenderaan?

SP5 : Ya.

Peg. Responden : Berbalik kepada Lampiran 11, boleh maklumkan apakah kepentingan jumlah RM200,000.00 yang dinyatakan dalam ruangan ketiga untuk tajuk kenderaan?

SP5 : Ia adalah anggaran belanjawan untuk kenderaan yang telah dibuat pada tahun belanjawan berakhir 30 Jun 2010 iaitu yang diluluskan pada PKTA ke 25.

Peg. Responden: Adakah kamu yang menyediakan kedua-dua Lampiran 11 dan 12 dalam R3 ini?

SP5 : Ya.

Peg. Responden: Boleh sahkan bahawa kamu menghadiri PKTA ke 26?

SP5 : Ya sebagai Bendahari Eksekutif (CFO ANGKASA).

Peg. Responden: Boleh kamu sahkan bahawa bajet pembelian kenderaan-kenderaan telah diluluskan pada PKTA ke 26 tersebut?

SP5 : Ya, saya sahkan.

ISU

7. Setelah meneliti keterangan dalam Nota Prosiding dan hujahan-hujahan yang telah dikemukakan oleh Pemohon dan Responden, isu yang ditimbulkan yang perlu diputuskan oleh Tribunal ialah:

- (i) sama ada Pemohon adalah anggota Responden yang sah dan tertakluk kepada disiplin dan peraturan-peraturan Responden?
- (ii) sama ada perantikan Dato' Abdul Fattah Bin Abdullah sebagai TYDP Responden dan keanggotaannya dalam JKT Responden adalah betul dan sah?;
- (iii) sama ada perantikan dan keanggotaan Tuan Haji Muthado Bin Bahri dalam Jawatankuasa Siasatan Awal Responden adalah sah?;
- (iv) sama ada perantikan Dato' Dr. Ali Bin Baharom sebagai YDP Responden adalah sah?;
- (v) sama ada komposisi JKT Responden mematuhi kehendak seksyen 42 Akta Koperasi 1993, Akta 502 ("**Akta 502**")?;
- (vi) sama ada JKT Responden menerima elaun tetap?
- (vii) sama ada Responden telah menyiarkan gambar Pemohon dalam media dan telah menjejaskan imej dan nama baik Pemohon?
- (viii) sama ada Responden boleh mengadakan bayaran wang saku kepada ahli-ahli dan anggota-anggotanya semasa mengadakan PKTA dan termasuklah PKTA yang ke 26?;
- (ix) sama ada Responden telah menyediakan peraturan-peraturan, garis panduan atau peruntukan yang mencukupi dan telah memaklumkan dengan sempurna kepada kesemua ahli-ahli dan anggota-anggotanya

mengenai pemberian wang saku dan kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengannya?;

- (x) sama ada Responden telah menyediakan peraturan-peraturan, garis panduan atau peruntukan yang mencukupi dan telah memaklumkan dengan sepenuhnya kepada kesemua ahli-ahli dan anggota-anggotanya mengenai disiplin ahli-ahli dan anggota-anggotanya, perbuatan-perbuatan yang boleh terjumlah kepada pelanggaran disiplin dan menjadi kesalahan, hukuman-hukuman yang boleh dikenakan dan mengenai tatacara siasatan dan tatacara prosiding tatatertib?;
- (xi) sama ada suatu perbicaraan yang adil telah dikendalikan oleh Responden terhadap Pemohon berkaitan dengan salah laku yang dipertuduhkan ke atas Pemohon?;
- (xii) sama ada Responden telah membuktikan kesalahan-kesalahan yang dipertuduhkan terhadap Pemohon seperti di perenggan yang dinyatakan dalam Eksibit R3 Lampiran 1 hingga 6 di perenggan 2.3 di atas?;
- (xiii) sama ada sabitan kesalahan dan hukuman yang dibuat dan dijatuhkan oleh Responden terhadap Pemohon adalah sah?; dan
- (xiv) sama ada keputusan Responden melucutkan **hak untuk menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA selama tempoh lima tahun** terhadap Pemohon adalah suatu hukuman ringan?
- (xv) sama ada Responden telah melanggar Peraturan 14(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 yang memperuntukkan Koperasi hanya boleh belanja tidak melebihi 5% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh mesyuarat agung?

- (xvi) Adakah amalan lazim perbelanjaan Responden iaitu berbelanja tanpa patuh pada had butiran tetapi tidak melebihi siling belanjawan adalah teratur?
- (xvii) Adakah kelulusan yang diberikan oleh PKTA berikutnya membetulkan tindakan Responden ini?
- (xviii) sama ada pembelian tujuh buah kereta Toyota Camry **2.0cc dengan anggaran harga RM170,000 sebuah melibatkan jumlah keseluruhannya melebihi RM1.19 juta**, pada 7 September 2010 adalah teratur?

DAPATAN PANEL SKM

8. Berhubung dengan isu pertama iaitu *sama ada Pemohon adalah anggota Responden yang sah dan tertakluk kepada disiplin dan peraturan-peraturan Responden*, Tribunal mendapati bahawa **Pemohon bukanlah ahli atau anggota Responden** menurut UUK 1997 Responden. UUK 1997 Responden terpakai untuk kes ini kerana kes ini berlaku pada tahun 2009 iaitu dalam tempoh kuatkuasa UUK 1997 ini yang kemudiannya telah dipinda pada tahun 2010.

Dalam hujahannya berhubung dengan isu ini, Responden merujuk kepada Perkara 4 UUK 1997 **di m/s 2, R3**, yang mana adalah seperti berikut:-

“Ahli’ bererti sebarang koperasi, Kesatuan, Persekutuan atau Gabungan Koperasi samaada koperasi asas, menengah atau atasan yang menganggotai ANGKASA.

‘Anggota’ bererti orang perseorangan yang menganggotai mana-mana koperasi atau kesatuan koperasi yang menjadi ahli ANGKASA”.

Responden juga menyandarkan hujahannya berdasarkan kepada keputusan oleh Hakim Aziah Ali, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam kes yang dibawa oleh Dato' Mustapa Kamal Bin Maulut terhadap ANGKASA sepertimana yang boleh dirujuk **di m/s 24, R4** dalam kes Saman Pemula NO: R1-24-99-2010 yang mana adalah seperti berikut.

*“ In respect of the Plaintiff, the admitted fact that UKWAH, of which he is chairman, is a member of the Defendant is sufficient to show that the Plaintiff in (is) an ‘anggota’ of the defendant. Fu(r)ther I find not only is the Plaintiff and ‘anggota’ of the Defendant, he is also an officer of the Defendant by virtue of being the Defendant’s board of directors. **Therefore I agree with counsel for the Defendant that the plaintiff, as ‘anggota’ member of the Defendant, is therefore subject not only to the provisions of the Act but also to Defendant’s by-laws. The Defendant therefore has jurisdiction to act against the plaintiff for any alleged misconduct.**”*

Setelah meneliti UUK Responden, Tribunal mendapati bahawa istilah “anggota” hanya disebut dalam Tafsiran dalam UUK4 Responden sahaja. Istilah “anggota” tidak digunakan langsung dalam mana-mana peruntukan dalam UUK ini. Ini adalah kerana ANGKASA hanya mempunyai “ahli” dan bukannya “anggota”. “Ahli” ANGKASA adalah terdiri daripada sebarang koperasi, Kesatuan, Persekutuan atau Gabungan Koperasi sama ada koperasi asas, menengah atau atasan, sebagaimana yang ditafsirkan dalam istilah “ahli” dalam UUK4.

Takrifan “anggota” dalam UUK4 merujuk kepada **anggota kepada ahli ANGKASA** iaitu anggota kepada sebarang koperasi berdaftar, Kesatuan, Persekutuan atau Gabungan Koperasi sama ada koperasi asas, menengah atau atasan yang menganggotai **ANGKASA**. Istilah “anggota” dalam UUK4 tidak dengan sendirinya menjadikan “anggota” kepada setiap ahli ANGKASA menjadi anggota ANGKASA secara automatik.

Lebih khusus lagi, UUK5 dan UUK6 memperuntukkan tujuan penubuhan dan tugas ANGKASA antara lainnya hanyalah berkaitan dengan kepentingan ahli ANGKASA dan bukannya “anggota” ANGKASA. Oleh yang demikian, anggota kepada koperasi ahli ANGKASA boleh menikmati apa-apa manfaat yang diperolehi oleh koperasi ahli itu sebagai menjadi ahli ANGKASA.

Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas lagi jika kita melihat kepada UUK7 yang memperuntukkan bahawa keahlian ANGKASA hanya terbuka kepada semua koperasi berdaftar di Malaysia. Tidak ada dinyatakan bahawa keanggotaan ANGKASA terbuka kepada anggota koperasi ahli itu atau bahawa anggota koperasi ahli itu dengan sendirinya menjadi anggota ANGKASA. UUK8 memperuntukkan mengenai permohonan untuk menjadi ahli ANGKASA dan bukannya anggota ANGKASA manakala UUK11 memperuntukkan mengenai penarikan diri dari menjadi ahli ANGKASA dan bukannya penarikan diri sebagai anggota ANGKASA.

UUK12 dan 13 memperuntukkan mengenai perihal terhentinya daripada menjadi ahli ANGKASA dan bukannya anggota ANGKASA. UUK14 hanya memperuntukkan mengenai kuasa ANGKASA untuk mengenakan sekatan penyertaan ke atas ahli ANGKASA sahaja daripada menyertai PKTA, Persidangan Negeri atau sebarang mesyuarat ANGKASA dan bukannya anggota individu koperasi ahli itu. Malahan tiada juga peruntukan mengenai “anggota ANGKASA” dinyatakan dalam UUK14. UUK 15 pula adalah mengenai pemecatan koperasi ahli ANGKASA dan bukannya anggota ANGKASA atau anggota koperasi ahli ANGKASA.

UUK20(3) dan (4) pula jelas menyatakan setiap Lembaga Koperasi Ahli ANGKASA hendaklah menamakan kesemua wakil dan pemerhatinya dalam borang yang dikhaskan untuk menghadiri PKTA atau PKTA Khas ANGKASA. Dengan kata lain, bukan kesemua anggota ahli ANGKASA boleh menghadiri PKTA atau PKTA Khas ANGKASA kecuali mereka yang dinamakan oleh Lembaga Koperasi Ahli ANGKASA tersebut sahaja. UUK 22 pula menghadkan bilangan perwakilan tiap-tiap ahli ANGKASA mengikut jumlah keanggotaan dan jenis koperasi ahli itu.

Jawatan-jawatan YDP, TYDP, NYDP, Pengerusi PKTA atau Jawatankuasa Audit Dalam ANKASA tidak dipegang oleh koperasi ahli ANKASA. Jawatan-jawatan tersebut sebaliknya boleh ditandingi dan disandang oleh anggota koperasi ahli yang dicalonkan untuk bertanding memegang jawatan-jawatan tersebut oleh koperasi ahli menerusi Mesyuarat Lembaga Koperasi Ahli mereka, sama ada menerusi Mesyuarat biasa atau Mesyuarat Khas seperti yang diperuntukkan dalam UUK 23(2). Pemilihan penyandang jawatan-jawatan ini dibuat di dalam PKTA Responden. Dengan kata lain, anggota koperasi ahli ANKASA tidak boleh bertanding atau mempunyai locus standi untuk memegang jawatan-jawatan tersebut mengikut kehendak mereka sendiri melainkan jika mereka dicalonkan untuk bertanding memegang jawatan-jawatan tersebut menerusi Mesyuarat Lembaga Koperasi Ahli mereka. Sekiranya anggota koperasi ahli ANKASA dianggap sebagai anggota ANKASA secara automatik seperti yang diujahkan oleh Responden, sudah tentu mereka ini bebas untuk bertanding memegang jawatan-jawatan tersebut dalam ANKASA tanpa sekatan-sekatan sedemikian.

Setiap anggota koperasi ahli ANKASA tidak tertakluk kepada perundangan ANKASA melainkan mereka yang dilantik memegang jawatan-jawatan JKT atau apa-apa Jawatankuasa atau Portfolio yang diwujudkan oleh JKT atau pekerja-pekerja ANKASA. Oleh kerana koperasi ahli ANKASA adalah tertakluk kepada perundangan ANKASA, maka anggota koperasi ahli itu hendaklah tidak melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menjejaskan pematuhan oleh koperasi ahli yang mereka menjadi anggotanya kepada perundangan ANKASA. Ini adalah kerana jika perbuatan anggota koperasi ahli didapati memudaratkan ANKASA atau gerakan koperasi, ANKASA boleh mengambil tindakan ke atas koperasi ahli tersebut dan bukannya ke atas anggota koperasi ahli itu. Apa-apa tindakan yang boleh diambil terhadap anggota koperasi ahli itu hanya boleh diambil atau dibuat oleh koperasi ahli yang berkenaan sahaja selaras dengan peruntukan UUK koperasi ahli itu. Sekiranya anggota koperasi ahli adalah dengan sendirinya menjadi anggota ANKASA, sudah tentu ia akan dinyatakan dengan jelas dalam UUK ANKASA seperti dalam UUK15 iaitu mengenai kuasa pemecataan

oleh ANGKASA. Oleh yang demikian juga, hujahan Pemohon bahawa Responden sepatutnya mengambil tindakan terhadap Pemohon mengikut UUK15 adalah ditolak.

Tribunal juga mendapati bahawa semasa perbuatan yang dipertuduhkan terhadap Pemohon dibuat, Pemohon merupakan ahli JKT. Oleh yang demikian, JKT boleh mengambil tindakan ke atas Pemohon di bawah UUK 32(s). Oleh kerana Pemohon tidak lagi menjadi ahli JKT selepas PKTA ke 26, isu ini tidak timbul.

9. Mengenai isu sama ada perantikan Dato' Abdul Fattah Bin Abdullah sebagai TYDP Responden dan keanggotaannya dalam JKT Responden adalah betul dan sah, peruntukan mengenai perkara ini dikendalikan oleh UUK 31(5) Responden yang berbunyi:

“31(5) Jika ada kekosongan pada jawatan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua akan menggantikannya. Jika ada kekosongan pada jawatan Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua yang menerima undi terbanyak akan menggantikannya. Jika ada kekosongan di antara Naib-Naib Yang Dipertua, ini akan diganti sementara oleh salah seorang dari JKT .”.

Isu ini timbul apabila berlaku kekosongan pada jawatan YDP dan TYDP akibat mantan YDP iaitu Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar telah meninggal dunia. TYDP pada masa itu ialah Prof. Dr. Ali Haji Baharum dan beliau telah mengisi kekosongan jawatan YDP tersebut. Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah hendak ditentukan “Naib Yang Dipertua yang menerima undi terbanyak” untuk mengisi kekosongan jawatan TYDP yang menjadi kosong tersebut. Responden telah merujuk penentuan “Naib Yang Dipertua yang menerima undi terbanyak” kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (**“SKM”**). SKM sebaliknya dalam Eksibit “R-9” telah memaklumkan kepada Responden bahawa oleh kerana UUK Responden tidak memperuntukkan cara mana “Naib Yang Dipertua yang menerima undi terbanyak” hendaklah ditentukan, telah menasihatkan kepada ANGKASA bahawa adalah menjadi hak ANGKASA sendiri untuk menentukan penggantian kekosongan jawatan TYDP tersebut.

JKT telah memutuskan untuk membuat undi JKT bagi menentukan NYDP yang akan mengisi kekosongan jawatan TYDP tersebut di mana Dato' Haji Abdul Fattah Bin Abdullah telah mendapat undi majoriti JKT manakala salah seorang daripada tiga NYDP ANGKASA iaitu Tuan Haji Mustapa Kamal Maulut telah membantah keputusan tersebut. Tribunal merujuk kepada Eksibit "R-8", pada perenggan 4 mukasurat 20 hingga 22 dan mendapati bahawa tiga calon-calon jawatan NYDP yang mendapat undi terbanyak semasa PKTA ke-25 adalah Tuan Haji Mustapa Kamal Maulut-1055 undi, Dato' Abdul Fattah Bin Abdullah-888 undi dan Puan Hajah Armi Haji Zainudin-760 undi.

Oleh kerana jawatan TYDP merupakan jawatan yang dipertandingkan dan dilantik menerusi undi dalam PKTA, sekiranya berlaku kekosongan jawatan tersebut, berdasarkan frasa dalam UUK 31(5) yang berbunyi "Jika ada kekosongan pada jawatan Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua yang menerima undi terbanyak akan menggantikannya.", **perkiraan NYDP yang mendapat undi terbanyak hendaklah berdasarkan kepada keputusan pengundian semasa PKTA yang membentuk JKT tersebut iaitu PKTA ke-25 dan bukannya pengundian oleh JKT.** Ini adalah kerana penentuan NYDP adalah dibuat pengundian oleh perwakilan yang hadir dan layak bertanding dalam PKTA tersebut. Dengan mengambil kira keputusan pengundian semasa PKTA ke-25, ia adalah selaras dengan keputusan yang dibuat oleh para perwakilan semasa PKTA tersebut. Hujahan Responden bahawa hasil pengundian JKT tersebut telah dibentangkan dan diluluskan semasa PKTA ke 26 tidak boleh membetulkan kesalahan tersebut. Keadaan ini merupakan suatu tempoh yang malang kepada ANGKASA yang merupakan teraju utama dan penggerak koperasi yang sepatutnya menjadi contoh dan pembimbing kepada koperasi-koperasi ahlinya. Ia memperlihatkan kelemahan dalam tadbir urus yang ketara.

Keadaannya adalah berbeza dengan pengisian kekosongan jawatan NYDP dimana UUK31(5) ini dengan jelas memperuntukkan bahawa ia hendaklah diganti sementara oleh salah seorang dari JKT. Dalam keadaan tersebut, JKT berkuasa untuk membuat pengundian, jika perlu, untuk mengisi kekosongan jawatan NYDP tersebut dan pengisian jawatan NYDP tersebut adalah berbentuk sementara dan akan luput

sehingga PKTA terawal selepasnya, di mana pemilihan baru akan dibuat oleh PKTA berikutnya.

10. Berhubung dengan isu sama ada perlantikan dan keanggotaan Tuan Haji Muthado Bin Bahri dalam Jawatankuasa Siasatan Awal Responden adalah sah, Tribunal mendapati bahawa walaupun penubuhan Jawatankuasa Siasatan Awal tidak diperuntukkan dalam UUK Responden, namun demikian, tindakan Responden mewujudkan jawatankuasa tatatertibnya untuk menjalankan prosiding tatatertib adalah teratur. Ini adalah selaras dengan keputusan dalam kes **Leong Sang** yang dirujuk oleh Responden di mana diputuskan pada perenggan **17, di m/s 932** seperti berikut:-

“On the issue of lack of regulations or bye-laws to govern disciplinary proceedings, to my mind the absence of rules would not render the proceedings and the decision of the E & DC invalid so long as the plaintiff was accorded an opportunity to be heard, which I find he was, in the present case. I find no evidence to suggest that the inquiry had not been conducted fairly or that the members had not acted in good faith”

Walaupun begitu, Tribunal ini juga mendapati bahawa selaras dengan peruntukan UUK31(5) yang berbunyi “Jika ada kekosongan di antara Naib-Naib Yang Dipertua, ini akan diganti sementara oleh salah seorang dari JKT.” Ini bermakna pemegangan jawatan NYDP oleh Tuan Haji Muthado Bin Bahri sebagai hanyalah sah sehingga setakat PKTA yang berikutnya iaitu pada PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009. Penggiliran pengosongan jawatan NYDP seperti yang diperuntukkan dalam UUK30(2) adalah tidak terpakai kepada NYDP yang dilantik sementara untuk mengisi kekosongan jawatan NYDP tersebut. Oleh yang demikian, bagi tempoh yang bermula mulai 19 Disember 2009, jawatan yang disandang oleh Tuan Haji Muthado Bin Bahri adalah luput dan menjadi kosong dan NYDP yang baru hendaklah dipilih semula oleh JKT. Beliau juga boleh ikut bertanding untuk memegang jawatan NYDP yang kosong tersebut. Pemegangan berterusan jawatan NYDP oleh beliau pada dan selepas 19 Disember 2009 adalah tidak sah dan terbatal. Namun begitu oleh kerana beliau masih

merupakan ahli JKT melalui statusnya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri Perlis pada setiap masa yang berkenaan, status beliau sebagai Pengerusi Siasatan Awal adalah sah.

11. Bagi isu yang berikutnya iaitu sama ada perlantikan Dato' Dr. Ali Bin Baharom sebagai YDP Responden **adalah sah dan teratur**, Tribunal mendapati bahawa nama Dato' Dr. Ali Bin Baharom tidak disenaraikan dalam senarai Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Koperasi BIRR Berhad yang telah digantung oleh SKM.

12. Mengenai isu sama ada komposisi JKT Responden mematuhi kehendak seksyen 42 Akta Koperasi 1993, Akta 502 ("**Akta 502**") Tribunal mengambil maklum bahawa komposisi setiap lembaga koperasi hendaklah tidak kurang daripada enam orang dan tidak lebih daripada lima belas orang yang dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan. Oleh kerana peruntukan ini merupakan suatu peruntukan substantif dalam seksyen 42 Akta 502, sebarang ketidakpatuhan terhadapnya merupakan suatu perbuatan yang melebihi atau "*ultra vires*" kehendak seksyen 42 ini.

UUK19(2)(c) Responden dengan jelas memperuntukkan bahawa antara agenda pada PKTA ialah memilih penyandang jawatan-jawatan YDP, TYDP dan tiga NYDP. Ini bermakna pada setiap PKTA Responden, hanya lima jawatan JKT yang dipilih dan dilantik dengan sewajarnya manakala sepuluh lagi jawatan JKT diisikan menerusi sepuluh orang Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri yang dibuat terlebih dahulu daripada PKTA tersebut. Mereka ini dipilih pada Persidangan Negeri dan bukannya pada PKTA tersebut. Orang yang mewakili Kementerian yang berkaitan dengan pembangunan koperasi dan Kementerian Kewangan yang dilantik oleh Menteri yang bertanggung jawab ke atas pembangunan koperasi pula lazimnya dibuat selepas PKTA.

Oleh yang demikian, Tribunal mendapati JKT ANGKASA yang dipilih dan **dilantik dengan sewajarnya pada PKTA ANGKASA adalah terdiri daripada lima orang sahaja iaitu YDP, TYDP dan tiga orang NYDP**. Jumlah ini adalah lebih rendah

daripada had yang telah diperuntukkan dalam Akta 502 iaitu yang hendaklah tidak kurang daripada enam orang **dan dengan demikian adalah melampaui atau terkeluar atau *ultra vires* seksyen 42 Akta 502.**

Walaupun komposisi JKT pada keseluruhannya adalah berjumlah seramai 17 orang, namun menerusi peruntukan 19(2)(c) ini, Responden telah melakukan pelanggaran terhadap seksyen 42 dan badalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 91(1)(b) dan (c) dan boleh dihukum denda sebanyak RM100,000.00 dan sebagai tambahan didenda harian sebanyak RM100.00 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan. SKM adalah bertanggung jawab untuk memastikan bahawa Responden mematuhi peruntukan seksyen 42 Akta 502 dan mengutip apa-apa denda yang sewajarnya dikutip menerusi ketidakpatuhan oleh Responden ke atas seksyen 42 ini.

13. Berhubung dengan isu sama ada ahli JKT Responden boleh menerima elaun tetap, Tribunal mendapati bahawa UUK30(6) dan seksyen 46 Akta 502. Responden dengan jelas melarang ahli JKT Responden untuk menerima elaun tetap. Tribunal juga mendapati dan berpuas hati bahawa dari keterangan-keterangan yang telah dikemukakan, ahli JKT Responden tidak menerima elaun tetap. Sebaliknya elaun yang diterima ialah elaun kerana menghadiri mesyuarat, elaun perjalanan dan sebagainya ketika menjalankan tugas-tugas sebagai ahli JKT yang dibenarkan dibayar oleh UUK Responden. Tribunal juga memerhatikan oleh kerana jumlah elaun yang dibayar adalah amat tinggi dan sering berulang, ia memberi gambaran seolah-olah ahli-ahli JKT ini dibayar elaun tetap oleh Responden.

14. Bagi isu sama ada Responden telah membuat sidang akhbar dan menyiarkan gambar-gambar Pemohon dan dengan demikian telah menjejaskan imej dan nama baik Pemohon, Tribunal mendapati bahawa Responden telah menyiarkan gambar Pemohon dan membuat sidang akhbar dalam majalah Pelancar dan turut disiarkan dalam beberapa akhbar arus perdana iaitu Berita Harian pada 23 November 2010, Utusan Malaysia dan KOSMO pada tarikh yang sama. Namun demikian. Responden tidak menafikan siding akhbar tersebut dibuat tetapi menafikan ia disiarkan dalam media arus

perdana. Tribunal mengambil maklum bahawa laporan dalam majalah “Pelanca” adalah terhad kepada ahli-ahli Responden namun begitu media arus perdana adalah terbuka kepada umum. Pemohon tidak menyatakan tahap kerosakan yang telah dialaminya dan sejauh manakah siaran akhbar tersebut telah menjejaskan Pemohon dan implikasi negatif yang telah diakibatkan olehnya. Butiran lanjut ini dan kesannya serta kerosakan yang diakibatkan olehnya tidak dikemukakan keterangan dengan jelas oleh Pemohon. Ia hanya dikemukakan semasa penghujahan. Responden tidak mengemukakan apa-apa penghujahan.

15. Bagi isu seterusnya iaitu sama ada Responden boleh mengadakan bayaran wang saku kepada ahli-ahli dan anggota-anggotanya semasa mengadakan PKTA dan termasuklah PKTA yang ke 26, Tribunal mendapati bahawa peruntukan UUK28 Responden dengan jelas memperuntukkan:

“28. Segala perbelanjaan wakil-wakil menghadiri Persidangan Kebangsaan tidak ditanggung oleh ANGKASA. Tetapi walau bagaimanapun belanja persiapan Persidangan Kebangsaan adalah ditanggung oleh ANGKASA.”

Tribunal mendapati peruntukan “Segala perbelanjaan wakil-wakil menghadiri Persidangan Kebangsaan tidak ditanggung oleh ANGKASA.” adalah jelas bermaksud bahawa segala kos dan perbelanjaan oleh setiap perwakilan tidaklah boleh dipertanggung ke atas Responden dalam apa keadaan sekalipun. Ini bermakna Responden **tidak boleh** memberikan wang saku kepada para perwakilan yang menghadiri PKTA ke 26 dan mana-mana PKTA sebelumnya.

16. Bagi isu sama ada Responden telah menyediakan peraturan-peraturan, garis panduan atau peruntukan yang mencukupi dan telah memaklumkan dengan sempurnanya kepada kesemua ahli-ahli dan anggota-anggotanya mengenai pemberian wang saku dan kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengannya, Tribunal mendapati bahawa Responden **telah gagal atau tidak melaksanakannya**. Daripada jawapan-jawapan yang diberikan oleh SR5 iaitu Pengurus Besar Responden, apabila

disoal oleh Tribunal pada mukasurat 271-275 Nota Prosiding, Tribunal mendapati bahawa Responden tidak menyediakan peraturan-peraturan atau pemberitahuan yang mencukupi tentang peraturan atau tatacara pemberian wang saku, penukaran wang saku, kesalahan-kesalahan mengenainya dan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan ke atas apa-apa pelanggaran ke atasnya.

Pada mukasurat 3 R-3 Lampiran 7, Tribunal juga mendapati bahawa tiada apa pun peringatan yang diberikan oleh Pengerusi persidangan mengenai tatacara penukaran wang saku dibuat atau larangan bahawa wang saku tidak boleh dituntut oleh orang lain dan hendaklah dituntut oleh perwakilan itu sendiri. Oleh yang demikian, Tribunal mendapati bahawa ahli-ahli Responden dan anggota-anggota ahli Responden tidak dimaklumkan dengan jelas atau mengetahui bahawa adanya peraturan, atau mengenai tatacara, larangan, kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengan pemberian wang saku.

17. Berhubung dengan isu sama ada Responden telah menyediakan peraturan-peraturan, garis panduan atau peruntukan yang mencukupi dan telah memaklumkan dengan sempurna kepada kesemua ahli-ahli dan anggota-anggotanya mengenai disiplin ahli-ahli dan anggota-anggotanya, perbuatan-perbuatan yang boleh terjumlah kepada pelanggaran disiplin dan menjadi kesalahan, hukuman-hukuman yang boleh dikenakan dan mengenai tatacara siasatan dan tatacara prosiding tatatertib, sebagaimana dapatan Tribunal untuk isu mengenai peraturan dan tatacara wang saku yang diperolehi daripada jawapan oleh SR5 dalam keterangannya pada mukasurat 271-275, Tribunal mendapati bahawa ahli-ahli ANGKASA atau anggota-anggota ahli ANGKASA tidak tahu dan tidak mampu untuk mengetahui apakah perlakuan-perlakuan yang ditegah dan yang boleh diambil tindakan tatatertib ke atas koperasi ahli mereka yang boleh diambil oleh ANGKASA.

18. Berkenaan dengan isu sama ada suatu perbicaraan yang adil telah dikendalikan oleh Responden terhadap Pemohon berkaitan dengan salah laku yang dipertuduhkan

ke atas Pemohon, Tribunal mendapati bahawa **Responden telah memberikan perbicaraan yang adil ke atas Pemohon.**

19. Bagi isu sama ada Responden telah membuktikan kesalahan-kesalahan yang dipertuduhkan terhadap Pemohon seperti di perenggan yang dinyatakan dalam Eksibit R3 Lampiran 1 hingga 6 di perenggan 2.3 di atas, Tribunal mendapati seperti berikut:

- (a) Menyogok Ahli jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri tertentu dengan membawa dan membiayai lawatan mereka ke Aceh, Indonesia pada 13 Mac 2009 hingga 16 Mac 2009 dan 25 September 2009 hingga 27 September 2009 dengan niat mempengaruhi mereka supaya mengundi Pemohon sebagai YDP pada PKTA ke 26 – **Tribunal mendapati bahawa Responden telah gagal membuktikan menerusi keterangan langsung dengan bukti yang kukuh bahawa Pemohon telah melakukan kesalahan tersebut.** Ini dapat dilihat dengan jelas menerusi jawapan-jawapan yang diberikan oleh SP6 semasa Pemeriksaan Utama pada mukasurat 119-120 Nota Prosiding.

“Pemohon : Apakah yang disogok kepada perwakilan itu?

SP6 : Ahli-ahli dibawa ke Aceh, Indonesia pada 13 hingga 16 Mac 2009 dan 25 hingga 27 September 2009.

Pemohon : Adakah kamu mendapati dari laporan ini ada bukti pembayaran dan pembiayaan yang dilakukan oleh tertuduh (Pemohon)?

SP6 : Lampiran 4 ini tidak mempunyai maklumat mengenai laporan bukti pembayaran dan pembiayaan yang dilakukan oleh tertuduh

(Pemohon). **Oleh demikian tiadalah maklumat sedemikian dalam Lampiran 4 ini.**

Pemohon : Rujuk R3 Lampiran 5 ms 7, penemuan 'a', saya katakan bahawa penemuan yang dicatitkan ini tidak menyatakan mendapati bukti adanya pembayaran dan pembiayaan yang dilakukan tertuduh (Pemohon)?

Peg. Responden: Soalan ini sewajarnya dikemukakan kepada Panel Penyiasatan Dalam Jabatan kerana merekalah yang menjalankan prosiding siasatan dan menyediakan laporan ini.

SP6 : **Setuju.**

Pemohon : Adakah JKT dalam membuat keputusan merujuk kepada penemuan-penemuan lain selain daripada yang dicatitkan oleh Panel Penyiasatan Dalam Jabatan ini?

SP6 : Saya tidak faham apakah yang dimaksudkan dengan penemuan-penemuan lain.

Pemohon : Maksud penemuan-penemaun lain ialah maklumat yang lain selain daripada yang disiasat dan dibuat dapatan oleh panel penyiasatan dalam jabatan.

SP6 : **Tidak.**

- (b) Mengarahkan ejen-ejen atau wakil-wakil Pemohon mengumpulkan kad undi dari perwakilan pada PKTA ke 26, 19 Disember 2009, dengan tujuan untuk memastikan undi PKTA memihak kepada Pemohon; dan

- (c) Melalui ejen-ejen atau wakil-wakil Pemohon dengan mengambil dan membayar bagi pihak ANGKASA kupon-kupon wang saku wakil tersebut dengan harga lebih tinggi dari sepatutnya iaitu RM160.00 sebagai balasan kepada perwakilan kerana menyerahkan kad undi mereka,

Tribunal juga mendapati bahawa bagi kedua-dua pertuduhan pada perenggan (b) dan (c) ini, **Responden telah gagal membuktikan menerusi keterangan langsung dengan bukti yang kukuh bahawa Pemohon telah melakukan kesalahan tersebut.** Ini dapat dilihat daripada keterangan yang diberikan oleh SP6 pada mukasurat 122 Nota Prosiding iaitu beliau bersetuju dengan Pemohon bahawa laporan hasil siasatan dalam jabatan tiada membuat penemuan yang mengaitkan bukti-bukti perbuatan yang dipertuduhkan telah dilakukan oleh Pemohon.

- (d) Menyebabkan penerbitan dan gambar kulit dan isi kandungan di dalam Majalah i Bil.86 edisi Disember 2009. Gambar kulit asal telah ditukar dengan gambar Pemohon, manakala artikel asal dari muka surat 19 hingga 26 ditukar dengan artikel Pemohon. Majalah tersebut telah diedarkan oleh Pemohon dan/atau melalui ejen-ejen atau wakil-wakil Pemohon semasa PKTA ke 26, 19 Disember 2009 di PWTC, Kuala Lumpur dengan tujuan menonjolkan diri Pemohon. Butir-butir yang Pemohon huraikan dalam rencana yang kononnya disiarkan oleh Majalah tersebut juga tidak benar dan betul kerana perkara-perkara tersebut telah pun diputuskan oleh Jawatankuasa ANGKASA – Tribunal mendapati bahawa walaupun tidak ada halangan oleh Responden untuk calon-calon berkempen merebut jawatan tertinggi dalam Responden, Tribunal bersetuju dengan Responden bahawa pertuduhan ini tidak menyatakan artikel yang mencemarkan nama baik Responden kerana bukan artikel yang dituduh mencemarkan nama baik Responden tetapi perbuatan perlakuan Pemohon yang mencemarkan nama baik

Responden iaitu dengan menukar gambar dan bahan cerita yang selain daripada yang dicetak oleh Responden.

Tribunal mendapati bahawa walaupun Pemohon boleh mencetak meminta dan membayar kepada Karang kraf untuk mencetak “Majalah i” yang memuatkan gambar dan bahan cerita mengenai Pemohon dan berlainan dengan versi yang disiarkan oleh Responden, dari segi etika dan sebagai calon koperasi ahli Responden, perbuatan Pemohon tidak sepatutnya mengatasi Responden tanpa kebenaran Responden. Perbuatan Responden tersebut boleh menimbulkan salah faham dan kekeliruan di antara perwakilan-perwakilan yang menghadiri PKTA ke 26 walaupun ia hanya disebarkan kepada orang-orang tertentu sahaja. Pemohon sepatutnya lebih maklum bahawa “Majalah i” versi yang dicetak menerusi pesanan beliau berkemampuan tersebar luas. Bukti bahawa Responden mempunyai versi yang dicetak oleh Pemohon menyokong fakta ini. Oleh yang demikian, Tribunal mendapati bahawa Responden telah membuktikan kesalahan yang dipertuduhkan terhadap Pemohon.

- (e) Menggunakan dan memakai darjah kebesaran “Dato” semasa berkempen pada PKTA ke 26 dengan tujuan meraih sokongan perwakilan kepada Pemohon, yang memberi gambaran seolah-olah Darjah Kebesaran tersebut telah dianugerahkan secara sah oleh Raja-raja Melayu dan/atau Yang Dipertuan Besar dan/atau Yang Dipertua Negeri di Negeri-Negeri di Malaysia atau dianugerahkan oleh Yang Dipertuan Agong, sedangkan Pemohon tidak pernah dianugerahkan Darjah Kebesaran sedemikian. Hakikatnya anugerah yang kononnya diterima daripada Istana Surakarta Hadiningrat, Indonesia adalah diragui kesahihannya dan sekali pun ia adalah sah, ia tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan justeru itu tidak boleh dipakai untuk apa-apa tujuan melainkan dengan kebenaran Kerajaan Malaysia dan tidak

ada kebenaran sedemikian pernah diberikan – Tribunal mendapati bahawa Responden telah gagal membuktikan bahawa penggunaan gelaran darjah kebesaran tersebut adalah menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang khususnya UUK Responden. Fakta bahawa anugerah darjah kebesaran tersebut tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia tidak mempunyai kaitan dengan Responden atau PKTA ke 26 Responden kerana PKTA ke 26 tersebut bukan merupakan majlis rasmi yang dianjurkan atau diktiraf sebagai majlis rasmi Kerajaan.

20. Seterusnya, berhubung dengan isu sama ada sabitan kesalahan dan hukuman yang dibuat dan dijatuhkan oleh Responden terhadap Pemohon adalah sah, berdasarkan kepada dapatan Tribunal pada isu di perenggan 19 di atas, Tribunal mendapati bahawa sabitan terhadap Pemohon **adalah tidak sah kecuali pertuduhan keempat**. Tribunal juga mendapati bahawa **JKT tidak mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman sedemikian** kerana tidak terdapat apa-apa peruntukan dalam UUK Responden yang memperuntukan kuasa sedemikian kepada JKT.

Tribunal merujuk kepada hujahan Responden pada perenggan 10 di atas dimana Responden menghujahkan bahawa:

“di bawah kuasa-kuasa YDP di mana di bawah UUK 31(1) R3 ms 35 yang memperuntukan bahawa YDP antara lain mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi memastikan kesempurnaan pentadbiran dan pengurusan keseluruhan ANGKASA serta perlaksanaan segala keputusan JKT dan JKK. Adalah jelas di bawah UUK ini kuasa ini termasuklah kuasa untuk memastikan pematuhan disiplin di kalangan ahli dan secara tidak langsung anggota kepada ahli. Di dalam kes ini tindakan disiplin yang dikenakan ke atas Pemohon adalah lanjutan daripada insiden yang berlaku semasa Persidangan Kebangsaan Tahunan

ANGKASA (PKTA). Persidangan ini termasuk di bawah frasa “pentadbiran dan pengurusan” ANGKASA yang terjatuh di bawah bidang kuasa YDP.”.

Tribunal mendapati bahawa kuasa yang diperuntukkan oleh UUK31(1) memang memberikan kuasa dan tanggung jawab kepada YDP untuk memastikan kesempurnaan pentadbiran dan pengurusan keseluruhan ANGKASA serta pelaksanaan segala keputusan JKT dan JKK. Tetapi hanya JKT yang boleh menjatuhkan hukuman ke atas Pemohon kerana JKT yang melaksanakan prosiding tatatertib tersebut. Jika JKT menjatuhkan hukuman, YDP boleh menjalankan kuasa dan tanggung jawabnya untuk memastikan keputusan yang dibuat oleh JKT itu dilaksanakan dengan sempurna. UUK31(1) tidak memberikan kuasa kepada YDP untuk menjatuhkan hukuman ke atas Pemohon ke atas kesalahan yang disabitkan oleh JKT. Oleh yang demikian, Tribunal mendapati hujahan Responden ini gagal.

21. Mengenai isu sama ada keputusan Respondan melucutkan **hak untuk menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA selama tempoh lima tahun** terhadap Pemohon adalah suatu hukuman ringan, Tribunal mendapati bahawa hukuman tersebut merupakan suatu hukuman yang amat berat dan penafian antara hak utama yang diberikan oleh UUK8 dan tidak konsisten dengan UUK14.

Ini adalah kerana antara hak utama yang diberikan kepada mana-mana koperasi ahli yang dijamin oleh UUK adalah hak untuk mengikuti PKTA, Persidangan Negeri dan mana-mana Mesyuarat ANGKASA. Dengan menghadiri PKTA atau Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA, koperasi-koperasi ahli akan mampu menghantar perwakilan dan mengambil bahagian dalam persidangan atau mesyuarat tersebut di samping membuang undi semasa pertandingan jawatan-jawatan YDP, TYDP, NYDP, Pengerusi Mesyuarat dan Jawatankuasa Audit Dalaman atau jawatan-jawatan lain seperti Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri, mengambil Bahagian dalam perbahasan dan mengundi ke atas apa-apa usul yang dibangkitkan. Koperasi ahli juga boleh mencalonkan anggota mereka untuk bertanding jawatan-jawatan penting dalam

ANGKASA seperti YDP, TYDP, NYDP dan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri.

Jika hak ini dilucutkan, ia merupakan penafian hak yang utama ke atas tujuan mana-mana koperasi menjadi ahli ANGKASA dan untuk bergiat aktif dalam ANGKASA. Bagi anggota koperasi ahli yang koperasi mereka dilucutkan hak tersebut, mereka secara langsung juga hilang hak tersebut, hilang hak mewakili koperasi ahli mereka menghadiri persidangan-persidangan dan mesyuarat-mesyuarat ANGKASA tersebut, hilang hak untuk bertanding jawatan-jawatan utama ANGKASA atau Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan hilang hak untuk menyuarakan pendapat, pandangan atau usul bagi pihak koperasi ahli mereka.

UUK14 hanya membenarkan sekatan menghadiri PKTA atau Persidangan Negeri atau sebarang mesyuarat ANGKASA ke atas koperasi ahli hanya dalam keadaan koperasi ahli tersebut gagal membayar caruman keahlian mengikut syarat yang telah ditetapkan atau gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa 24 bulan sebelum tarikh PKTA tersebut sahaja. Hak tersebut hanya disekat tetapi tidak dilucutkan dan boleh dibaikpulih sebaik syarat-syarat atau keperluan tersebut dipenuhi atau diremedikan oleh koperasi ahli yang berkenaan. Perlucutan hak tersebut mengakibatkan koperasi ahli itu atau anggotanya tidak mampu untuk berbuat apa-apa melainkan menunggu tamatnya tempoh hak tersebut berakhir dan dalam kes Pemohon, selama lima tahun. Hukuman ini adalah dari bentuk yang amat berat dan adalah lebih berat daripada UUK14.

Dalam ketiadaan peruntukan yang jelas mengenai perbuatan atau perilaku atau perjalanan yang boleh terjumlah kepada kesalahan disiplin dalam ANGKASA dan hukuman yang bakal menunggu mereka yang disabitkan, Tribunal mendapati tidak ada ketentuan yang jelas mengenai apakah yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh koperasi ahli atau anggota koperasi ahli yang bertentangan dengan JKT yang boleh dianggap memudaratkan Responden atau gerakan koperasi.

22. Bagi isu sama ada sama ada Responden telah melanggar Peraturan 14(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 yang memperuntukkan Koperasi hanya boleh belanja tidak melebihi 5% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh mesyuarat agung, Tribunal mendapati bahawa SKM telah membuat siasatan di bawah pemeriksaan di bawah seksyen 64. Pemeriksaan tersebut mendapati bahawa pada PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009 mendapati ANGKASA didapati telah berbelanja untuk PKTA tersebut berjumlah RM2.62 juta di mana ianya melebihi sebanyak RM625,328 atau 31% belanjawan Tahunan yang PKTA berjumlah RM2 juta. Lebihan perbelanjaan ini melanggar peraturan 14(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 yang memperuntukkan koperasi hanya boleh belanja tidak melebihi 5% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung. Responden juga didapati mengesahkan kejadian ini. Malahan SP5 telah memberi keterangan bahawa beliau telah diarahkan oleh Responden untuk membuat pindaan keseluruhan bajet ANGKASA termasuk untuk perbelanjaan tersebut untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun 2010.

23. Berhubung dengan isu sama ada amalan lazim perbelanjaan Responden iaitu berbelanja tanpa patuh pada had butiran tetapi tidak melebihi siling belanjawan adalah teratur, Tribunal mendapati bahawa amalan ini di amalkan oleh Responden. SP5 telah memberi keterangan bahawa bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010, jumlah bajet keseluruhan ANGKASA adalah RM66 juta manakala jumlah keseluruhan perbelanjaan sebenar adalah RM56 juta yang memberikan lebihan bajet yang tidak digunakan sebanyak RM10 juta. Menurut beliau lagi, adalah menjadi amalan ANGKASA berkenaan dengan anggaran belanja pada setiap tahun untuk membentangkan penyata pendapatan dan perbelanjaan untuk kelulusan PKTA tahunan dan pada kebiasaannya ANGKASA akan menggunakan bajet tersebut tidak terhad kepada butir-butir khusus tetapi tidak melebihi bajet keseluruhan tahunan ANGKASA. Tribunal mendapati bahawa selagi amalan ini tidak melanggar had batasan yang ditetapkan dalam Peraturan 14(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 [dipinda oleh Peraturan 16(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010], amalan tersebut adalah teratur.

24. Berhubung dengan isu sama ada kelulusan yang diberikan oleh PKTA berikutnya membetulkan tindakan Responden ini adalah teratur, Tribunal mendapati apa-apa lebihan yang melampaui had batasan yang ditetapkan oleh Peraturan 14(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 adalah tidak teratur dan menjadi kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 91(2) Akta 502. Dalam kes ini, Tribunal mendapati bahawa lebihan belanja yang berlaku adalah termasuk untuk perbelanjaan untuk persidangan, konvensyen dan lain-lain yang berkaitan dengannya dan bukannya terhadap leseluruhan belanjawan ANGKASA. Lebihan belanja ini juga telah dibentangkan dan diluluskan oleh PKTA ke27.

25. Berhubung dengan isu pembelian tujuh buah Toyota Camry, Tribunal mendapati bahawa Responden mengamalkan penyediaan belanjawan untuk tempoh 2 tahun ke hadapan (tahun semasa dan tahun berikutnya) dan diluluskan oleh PKTA. Walau bagaimanapun, pada setiap tahun semasa, Responden akan membuat pindaan terhadap anggaran untuk belanjawan tahun semasa yang telah diluluskan pada PKTA tahun sebelumnya untuk diluluskan oleh PKTA pada tahun semasa tersebut. Berdasarkan kepada kelulusan pindaan belanjawan oleh PKTA tersebut, Responden telah membuat permohonan pembelian kenderaan-kenderaan Toyota Camry tersebut dengan sewajarnya berdasarkan tatacara dalaman yang telah ditetapkan.

Tribunal mengambil maklum keterangan yang diberikan oleh SP5 bahawa pada PKTA ke 25, Responden telah membuat anggaran perbelanjaan untuk pembelian kenderaan sebanyak RM200,000 sahaja. Walau bagaimanapun, pindaan telah dibuat untuk pembelian 7 buah kenderaan Toyota Camry terlebih dahulu dan telah diluluskan pada **PKTA ke26 iaitu pada 19.12.2009 sebanyak** sebanyak RM1.5 juta. Berdasarkan kepada bajet dwitahun kewangan, 6 buah kenderaan telah dibeli dari pindaan belanjawan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010 dan sebuah kenderaan telah dibeli dari belanjawan tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2011. Jumlah bajet yang diluluskan untuk kenderaan pada PKTA ke 27 sehingga 30 Jun 2011 adalah pada anggaran belanjawan sebanyak RMRM400,000.00. Oleh yang demikian, Tribunal mendapati bahawa pembelian 7 buah kenderaan Toyota Camry tersebut adalah teratur

menurut Peraturan 14(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 kerana kelulusan PKTA telah diperolehi terlebih dahulu sebelum pembelian kenderaan-kenderaan dibuat yang melebihi 5% anggaran belanjawan asal.

KEPUTUSAN

26. Daripada dapatan-dapatan yang dibuat oleh Tribunal di atas, Tribunal membuat penghakiman seperti berikut:

- (1) Oleh kerana Pemohon bukan merupakan anggota Responden tetapi pada setiap masa yang relevan adalah merupakan anggota koperasi yang menjadi ahli kepada Responden, Responden tidak mempunyai bidangkuasa yang sah dan mengikat dari sisi undang-undang untuk memulakan prosiding tatatertib yang dipertikaikan oleh Pemohon. Walaupun Pemohon merupakan ahli JKT semasa kesalahan-kesalahan tersebut dilakukan, bagi perlakuan-perlakuan yang dikatakan dilakukan oleh Pemohon, sekiranya Responden benar-benar mendapati bahawa ianya memudaratkan Responden atau gerakan koperasi, Responden hanya boleh mengambil tindakan di bawah UUK15 terhadap koperasi ahli yang mana Pemohon merupakan anggotanya atau mengarahkan koperasi ahli yang Pemohon adalah anggotanya untuk mengambil tindakan yang sewajarnya di bawah UUK koperasi ahli tersebut terhadap Pemohon dan bukannya dengan sendirinya mengambil tindakan terhadap Pemohon. Ini adalah kerana selepas tewas pada PKTA ke 26, Pemohon tidak lagi menjadi ahli JKT Responden.
- (2) Perlantikan Dato' Haji Abdul Fattah Bin Abdullah sebagai TYDP Responden menerusi undi majoriti oleh JKT adalah menyalahi UUK31(5) di mana NYDP yang menerima undi terbanyak yang akan mengisi kekosongan jawatan TYDP hendaklah ditentukan daripada keputusan pengundian yang dibuat pada PKTA yang membentuk JKT tersebut.

- (3) Pembentukan prosiding tatatertib dan perlantikan Tuan Haji Muthado Bin Bahri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Awal, walau pun adalah teratur dan dilaksanakan dengan sewajarnya terhadap Pemohon adalah tidak sah kerana tindakan tatatertib terhadap Pemohon tidak boleh diambil menerusi pendekatan oleh Responden kerana Pemohon bukanlah anggota Responden.
- (4) Keanggotaan Prof. Dato' Haji Ali Bin Haji Baharom sebagai YDP Responden adalah sah.
- (5) UUK19(2)(c) Responden dan amalan Responden untuk melantik seorang YDP, seorang TYDP dan tiga orang NYDP yang kesemuanya seramai lima orang dengan sewajarnya pada PKTA, khususnya pada PKTA ke 26 dan pada mana-mana PKTA yang sebelum daripada ini atau selepas daripada ini yang berasaskan peruntukan UUK19(2)(c), adalah melampaui atau terkeluar atau *ultra vires* peruntukan seksyen 42 Akta Koperasi 1993, Akta 502. Seksyen 42 Akta 502 menghendaki setiap Lembaga koperasi hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada enam orang dan tidak lebih daripada lima belas orang anggota **yang dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan**. Oleh yang demikian, Responden adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 91(1)(b) dan (c) dan boleh dihukum di bawah seksyen 91(2) Akta 502 iaitu denda tidak melebihi RM100,000.00 bagi setiap kesalahan dan denda tambahan sebanyak RM100.00 sehari bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas daripada hukuman.
- (6) Ahli JKT tidak menerima elaun tetap dan oleh yang demikian, keahlian mereka dalam JKT adalah sah dan teratur.

- (7) UUK28 Responden melarang Responden daripada membayar apa-apa perbelanjaan menghadiri PKTA kepada Perwakilan-Perwakilan yang menghadiri PKTA. Oleh yang demikian, pemberian wang saku kepada Perwakilan-Perwakilan oleh Responden adalah melampaui atau *ultra vires* UUK 28 Responden dan kesalahan yang dipertuduhkan dan disabitkan terhadap Pemohon juga tidak boleh dikekalkan.
- (8) Kegagalan Responden untuk menyediakan peraturan-peraturan, garis panduan atau peruntukan yang mencukupi dan memaklumkan dengan sempurnanya kepada kesemua ahli-ahli dan anggota-anggota koperasi ahli Responden mengenai pemberian wang saku atau apa-apa kesalahan disiplin yang lain dan mengenai perihal siasatan, prosiding tatatertib dan hukuman-hukuman yang boleh dipertanggungkan ke atas pelakunya akan menimbulkan keadaan tidak ketentuan di kalangan koperasi ahli atau anggota koperasi ahli Responden. Ia boleh menimbulkan ketidakadilan terhadap koperas-koperasi ahlinya atau anggota koperasi ahlinya yang boleh terperangkap dengan apa-apa perbuatan yang dianggap memudaratkan Responden atau gerakan koperasi sebagaimana yang ditentukan oleh JKT Responden.
- (9) Responden telah gagal mensabitkan Pemohon dengan kesalahan yang dipertuduhkan atas bukti yang kukuh atau keterangan langsung dan sebaliknya bersandarkan kepada bukti yang lemah dan andaian oleh Responden semata-mata kecuali ke atas pertuduhan keempat yang dirujuk pada perenggan 2.3(iv) di atas. Oleh yang demikian, kecuali sabitan terhadap pertuduhan dalam perenggan 2.3(iv) di atas, sabitan ke atas Pemohon adalah tidak sah dan bertentangan dengan prinsip undang-undang pembuktian keterangan. Penentuan dan jenis hukuman yang dijatuhkan terhadap Pemohon yang dibuat oleh YDP Responden di bawah UUK31(1) sebagai tambahan kepada bidangkuasa JKT juga adalah tidak teratur dan

bersalahan dengan prinsip undang-undang yang menampakkan unsur-unsur *male fide* di pihak Responden dan dengan ini adalah diketepikan.

- (10) Hukuman yang dijatuhkan oleh Responden untuk melucutkan Pemohon **hak untuk menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA selama tempoh lima tahun** terhadap Pemohon bukanlah suatu hukuman ringan. Ia merupakan penafian hak utama untu mana-mana koperasi menjadi ahli Responden atau mana-mana orang daripada menyertai mana-mana koperasi dan adalah lebih berat jika dibandingkan dengan UUK14 yang memberi kuasa kepada Responden untuk menyekat penyertaan mana-mana koperasi ahli daripada menyertai PKTA, Persidangan Negeri atau mana-mana mesyuarat Responden jika gagal membuat caruman yuran yang telah ditetapkan atau tidak mengadakan MAT selama 24 bulan sebelumnya. Sekatan ini hanya berkuatkuasa selagi ketidakpatuhan tersebut wujud berbanding dengan hukuman perlucutan hak tersebut yang dijatuhkan oleh Responden terhadap pemohon selama lima tahun.
- (11) Oleh kerana Pemohon tidak mengemukakan butir-butir gantirugi yang dipohon seperti kerosakan yang dialaminya, pengiraan dan penentuan gantirugi, Pemohon boleh memfailkan tuntutan gantiruginya terhadap Responden di Mahkamah Sivil kerana ia juga mempunyai elemen berunsur fitnah (*libelleous*).
- (12) Pemohon berhak kepada relif supaya Responden menyiarkan permintaan maaf secara terbuka di media nasional utama kerana telah menyiarkan laporan sidang media yang telah menjejaskan nama baik Pemohon. Oleh kerana tuntutan Pemohon ini juga mempunyai unsur-unsur fitnah, Pemohon bolehlah memfailkan tuntutannya untuk mendapatkan relif tersebut terhadap Responden di Mahkamah Sivil sekiranya Responden gagal atau enggan untuk mengambil tindakan sedemikian. Responden juga diarahkan untuk

menyiarkan di dalam Majalah Pelancar untuk membersihkan nama baik Pemohon daripada sabitan dan hukuman yang telah dibuat oleh Responden terhadap Pemohon pada 25 Ogos 2010.

(13) Responden telah gagal mematuhi peraturan 14(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan dengan demikian Responden telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 91(1) dan boleh dihukum dibawah seksyen 91(2). Terpujanglah kepada SKM sama ada hendak menguatkuasakan seksyen 91 ini terhadap Responden. Dalam keadaan demikian, Responden sebaliknya boleh mengambil tindakan untuk mengenakan surcaj terhadap ahli-ahli JKT atau ahli-ahli mana-mana Jawatankuasa Kerja yang berkenaan atau pekerja Responden yang berkenaan.

(14) Pembelian tujuh buah kereta Toyota Camry oleh Responden adalah teratur.

AWARD

27. Berhubung dengan Pertikaian-Pertikaian oleh Pemohon yang difailkan dalam Borang A pada 8 November 2011, Tribunal memutuskan bahawa:

- (1) Berhubung dengan pertikaian mengenai “Surat ANGKASA AKMM(S)2/4/3(15) menggantung hak saya adalah tidak sah kerana di luar bidang kuasa Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan ANGKASA” Tribunal memutuskan bahawa Responden tidak mempunyai bidangkuasa untuk mengambil tindakan sedemikian terhadap Pemohon kerana Pemohon bukan anggota Responden dan kesalahan yang dipertuduhkan terhadap Pemohon tidak diperuntukkan dalam mana-mana UUK Responden.
- (2) Berhubung dengan pertikaian bahawa “ANGKASA telah mengeluarkan gambar saya di media dengan cara memalukan, menjatuhkan maruah. Memburukkan imej saya, menjatuhkan reputasi saya selaku ahli

perniagaan”, Tribunal mendapati bahawa Responden adalah bertanggungjawab ke atas penyiaran dalam media tersebut dan kesan-kesan yang timbul secara langsung dan tidak langsung daripadanya.

- (3) Berhubung dengan pertikaian mengenai “Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) ke 26 pada 19 Disember 2009 mendapati Hj. Mutadho bin Bahri Yang dilantik sebagai Naib Yang Dipertua daripada jawatan Pengerusi Perhubungan Negeri Perlis tidak digugurkan sepertimana kehendak perkara 31(5), Undang-undang Kecil (UUK) ANGKASA”, Tribunal mendapati perantikan beliau sebagai NYDP sementara di bawah UUK31(5) tamat pada PKTA berikutnya iaitu pada PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009. Jawatan NYDP tersebut juga sepatutnya dipertandingkan dan beliau boleh turut serta bertanding. Penggiliran pemegangan jawatan NYDP oleh beliau adalah tidak terpakai kerana ia adalah lantikan sementara. Namun begitu, keahlian beliau dalam JKT masih sah melalui jawatan beliau selaku Pengerusi Perhubungan Negeri Perlis.
- (4) Berhubung dengan pertikaian mengenai “Setiap penggantungan hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat agung terdekat. ANGKASA gagal membentangkan penggantungan dalam 2 kali mesyuarat agung, yang pertama mesyuarat agung khas di Pulau Pinang dalam bulan Ogos 2010 dan yang kedua pada 14 Mac 2011. Dengan demikian sudah luput penggantungan”, Tribunal mendapati pertikaian ini gagal kerana pemohon bukan merupakan anggota Responden dan peruntukkan UUK15 tidak terpakai kepada Pemohon.
- (5) Berhubung dengan pertikaian mengenai “PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009, ANGKASA didapati telah berbelanja untuk PKTA ke 26 berjumlah RM2.62 juta di mana ianya melebihi sebanyak RM625,328 atau 31% bajet tahunan yang PKTA berjumlah RM2.0juta. Lebihan perbelanjaan ini

melanggar peraturan 14(2) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 yang memperuntukkan Koperasi hanya boleh belanja tidak melebihi 5% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh mesyuarat agung”, Tribunal mendapati bahawa Responden telah melakukan pelanggaran ke atas Peraturan 14(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995. Pelanggaran ini merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 91(1)(b) dan (c) dan boleh dihukum di bawah seksyen 91(2) Akta 502 iaitu denda sebanyak RM100,000.00.

- (6) Berhubung dengan pertikaian mengenai “Bagi ANGKASA dan 8 orang penjawat telah menggunakan wang ANGKASA untuk berkempen PKTA 19 Disember 2009 secara haram seperti minit mesyuarat Jawatankuasa Kerja ANGKASA (JKK) bertarikh 11 November 2009 telah membelanjakan wang ANGKASA secara haram melebihi peruntukan diluluskan Persidangan Kebangsaan ANGKASA dari RM1.5juta-RM2.0juta”, Tribunal mendapati bahawa pertikaian ini tidak mempunyai asas dan ditolak.
- (7) Berhubung dengan pertikaian mengenai “PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009, ANGKASA telah didapati membayar elaun kehadiran kepada perwakilan PKTA sebanyak RM160.00 seorang berjumlah RM399,668 daripada budget yang diluluskan RM 480,000 bagi tahun 2009/2010. Perbelanjaan elaun kehadiran kepada perwakilan PKTA juga dibayar pada PKTA sebelumnya. Tindakan ini bertentangan dengan perkara 28, UUK ANGKASA”, Tribunal mendapati bahawa Responden telah melanggar UUK28. Oleh kerana pembayaran wang saku itu merupakan suatu pelanggaran UUK28 Responden, adalah tidak munasabah untuk Responden mengambil tindakan terhadap koperasi ahli atau anggota kepada koperasi ahli Responden ke atas kesalahan berhubung dengan pemberian wang saku ini yang dengan sendirinya merupakan suatu kesalahan.

- (8) Berhubung dengan pertikaian mengenai “Pembelian 7 buah kereta Toyota Camry tidak sah – Pada tarikh 7 September 2010, saya difahamkan ANGKASA di bawah pimpinan Prof Dato’ Dr.Mohd Ali Hj Baharom telah membeli 7 buah kereta Toyota Camry 2.0cc dengan anggaran harga RM170,000 sebuah melibatkan jumlah keseluruhannya melebihi RM1.19 juta, sedangkan pembelian jumlah besar ini tidak dibentangkan dan tidak mendapat kelulusan Persidangan Kebangsaan ANGKASA ke 26 pada 19 Disember 2009. Ini adalah salah laku undang-undang penggunaan wang ANGKASA bertentangan UUK ANGKASA dan Akta Koperasi 1993”, Tribunal mendapati pembelian kenderaan-kenderaan tersebut oleh Responden adalah teratur.
28. Berhubung dengan Permohonan relief untuk pertikaian pada perenggan 27(1), Tribunal memerintahkan supaya penggantungan terhadap Pemohon oleh Responden pada 25 Ogos 2010 adalah terbatal dari tarikh ia dibuat dan Responden meminta maaf secara terbuka di dalam media. Berhubung dengan pampasan ganti rugi sebanyak RM50 juta, Pemohon hendaklah memfailkan tuntutananya di Mahkamah Sivil bagi menentukan amaunnya tertakluk kepada pembuktian oleh Pemohon.
29. Berhubung dengan Permohonan relief untuk pertikaian pada perenggan 27(2) di atas, Tribunal mengisytiharkan bahawa tindakan Responden membuat sidang media dan dilaporkan dalam media selain majalah “Pelancar” adalah satu perbuatan yang melanggar nama baik Pemohon dan hak Pemohon menjaga nama baiknya dan hendaklah memohon maaf secara terbuka di dalam media. Berhubung dengan pampasan ganti rugi sebanyak RM50 juta, Pemohon hendaklah memfailkan tuntutananya di Mahkamah Sivil bagi menentukan amaunnya tertakluk kepada pembuktian oleh Pemohon.
30. Berhubung dengan Permohonan relief untuk pertikaian pada perenggan 27(3) di atas Tribunal menolak relief-relief yang dipohon kerana ia tidak berkaitan.

31. Berhubung dengan Permohonan relief untuk pertikaian pada perenggan 27(4), Tribunal menolak relief yang diminta.
32. Berhubung dengan Permohonan relief untuk pertikaian pada perenggan 27(5), Tribunal menolak relief yang dipohon kerana ia tidak berkaitan dengan Pemohon.
33. Berhubung dengan Permohonan relief untuk pertikaian pada perenggan 27(6), Tribunal menolak relief yang dipohon kerana ia tidak berkaitan dengan Pemohon.
34. Berhubung dengan Permohonan relief untuk pertikaian pada perenggan 27(7), Tribunal menolak relief yang dipohon kerana ia tidak berkaitan dengan Pemohon.

.....
HAMIDUN BIN DATUK HAJI ABDUL FATAH
PENGERUSI TRIBUNAL
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

12 JUN 2013